Bengkel Semakan Kurikulum Ke Arah Universiti 4.0 telah diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos 2017 bertempat di Hotel Mudzaffar, Melaka dan dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad serta Dekan-dekan fakulti termasuk Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Bengkel ini membincang, meneliti serta menyemak semula semua kursus yang ditawarkan agar selari dengan Industri 4.0 di samping menjamin kualiti dan kelestarian program akademik di UTeM. Perubahan ini dipacu tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal yang merentasi sembilan tonggak Industri 4.0, merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri *Internet of Things* (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantai bekalan, analisis data raya dan robot automasi.

## Program Kepunyaan Dan Keserakanan Kerjasama Bersama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)


Program Mobiliti Latihan Industri tanpa kredit telah diadakan pada sesi 2016/2017 dengan permulaan seramai lima (5) orang pelajar dari setiap universiti MTUN. Program ini telah dijalankan dengan jayanya mengikut garis panduan yang telah dipersetujui dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Universiti masing-masing.

## Antarabangsa


### Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2017 ialah seramai 566 orang pelajar dari 30 buah negara berbanding dengan tahun 2016 iaitu seramai 401 orang dari 26 buah negara (Rajah 1).

Pelajar Antarabangsa 2016-2017



Rajah 6: Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2016 dan 2017.



Rajah 7: Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara Tahun 2017

## Kerjasama Antarabangsa (MoU DAN MoA)

Bagi tahun 2017, lima (5) MoU dan tiga (3) MoA telah ditandatangani diantara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU yang telah ditandatangani adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	Yokohama National University, Japan	5 Tahun ( 9 Februari 2017 - 8 Februari 2022)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
2	MoU	Prince Of Songkla University, Thailand	5 Tahun ( 23 Februari 2017 - 22 Februari 2022 )	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
3	MoU	Gujarat Forensic Sciences University, India	5 Tahun ( November 2017- November 2022)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
4	MoU	Nagaoka University of Technology, Japan	3 Tahun (3 Mac 2017 - 2 Mac 2020)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
5	MoU	University Of Electronic, Science And Technology, China	5 tahun (16 Februari 2017 - 15 Februari 2022)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
6	MoA	Tokushima University, Japan	5 Tahun (November 2017- November 2022)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
7	MoA	Universitas Amikom Yogyakarta, Indonesia	5 Tahun (22 November 2017 - 21 November 2022)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
8	MoA	Sekolah Tinggi Manajemen Informatika Dan Komputer Amikom Purwokerto, Indonesia	5 Tahun (22 November 2017 - 21 November 2022)	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

## Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Inbound		Outbound	
Berkredit	Tanpa Kredit	Berkredit	Tanpa Kredit
38 orang pelajar	27 orang pelajar	47 orang pelajar	39 orang pelajar



## Lawatan Dari Luar Negara

Pada tahun 2017, sebanyak 23 kali lawatan dari luar negara telah diterima dengan jumlah delegasi seramai 350 orang dari negara Indonesia, Thailand, China, Austria, Bangladesh, United States, Yemen, India, Netherlands dan Myanmar.

## Syarahen Umum Pelantikan Profesor

Syarahen Umum sempena pelantikan profesor di UTeM diadakan bagi mengiktiraf pelantikan para professor. Sebanyak tiga (siri) Syarahen Umum Pelantikan Profesor telah di adakan pada tahun 2017 seperti berikut:

Bil	Nama Profesor	Tarikh	Tajuk Syarahan
1.	YBhg Profesor Dr. Zulkalnain Mohd Yusof (FKEKK)	11 Mei 2017	<i>From Algorithm to Digital Hardware</i>
2.	YBhg. Profesor Dr. Mokhtar Bin Mohd Yusof (FTMK)	11 Sept 2017	<i>Information System in Organization: Journey of an Information System (IS) Development Approach Through an Enterprise Framework.</i>
3.	Prof. Dr. Abdul Rani Bin Othman	24 Nov 2017	<i>Radio Frequency Design : The Challenge</i>

## Kecemerlangan Bakat

Sebanyak 26 progam latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 mengikut empat (4) komponen utama iaitu: i) Pengajaran dan Penyeliaan, ii) Penyelidikan dan Penerbitan, iii) Perkhidmatan dan Pengamalan dan iv) Kepimpinan. Siri kursus Wajib bagi staf akademik gred 45, 51/52 dan 54 dan siri Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAP) merupakan program latihan wajib sebagai syarat pengesahan jawatan staf akademik bagi memenuhi keperluan Universiti. Penganjuran program latihan ini menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dan kecemerlangan staf akademik dalam sesuatu bidang serta mempunyai nilai keserjanaan yang tinggi.

## Penganjuran Ceramah Eksekutif

*Qalb Based Leadership: Fortifying the Academic Pathway and Self Development* Bersama Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak – Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Ceramah eksekutif yang disampaikan memberi manfaat khususnya berkaitan kepimpinan yang berpandukan konsep 'qalbu' yang merupakan asas penting dalam agenda kepimpinan di sesebuah institusi pendidikan.

Kepimpinan berpandukan Qalbu dianggap sebagai salah satu asas penting dalam agenda kepimpinan akademik di sesebuah institusi pendidikan. Dalam sesebuah institusi pendidikan terdapat keperluan untuk memupuk penciptaan bakat yang didorong dalam melahirkan pemimpin yang holistik dan seimbang melalui pemahaman yang betul dan juga berasaskan keluhuran rohani.

## Bengkel Dan Forum Abad Ke – 21

### Bengkel dan Forum: Redesigning Learning For 21st Century: A Way Forward 23 – 23 Ogos 2017

Program yang berlangsung selama dua hari ini membincangkan keperluan merekabentuk semula pembelajaran dengan kaedah-kaedah baru termasuk pendekatan *digital, mobile learning, blended learning, massive open online courses (mooc)* dan penggunaan media sosial

Program ini telah mendapat penyertaan daripada Maktab Perguruan Melayu Melaka, Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Universiti Islam Melaka dan warga UTeM. Panel yang di jemput hadir ke sesi perkongsian ilmu adalah Y.Bhg. Prof. Dr. M Iqbal Bin Saripan (UPM), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Amin Bin Embi (UKM) dan YBhg. Prof. Dr. Burairah Hussin (UTeM).

## Akept Competency and Enhancement Programme

### Problem Based Learning Zon Selatan (Introductory, Intermediate & Advanced)

11 – 12 Julai (Introductory)

07 – 08 Ogos (Intermediate)

07 – 08 September (Advanced)

*AKEPT Competency and Enhancement Programme (ACEP)* merupakan program kerjasama AKEPT dengan Universiti Awam bagi menjayakan pelaksanaan modul pembelajaran dan pengajaran. Program ini melibatkan Universiti awam dan juga Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Justeru bagi memastikan agenda ini berlangsung dan berkesinambungan, AKEPT telah melantik ketua bagi setiap zon bagi tempoh dua (2) tahun. Antara enam (6) Zon yang terlibat, UTM, UTHM dan UTeM merupakan penganjur bagi Zon selatan. UTeM telah melaksanakan program *Problem Based Learning (PBL)* Zon Selatan sebanyak tiga peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan.

Seramai 17 orang Pensyarah yang telah tamat tahap asas, pertengahan dan lanjutan ini telah ditauliahkan sijil tamat kursus oleh AKEPT terdiri daripada Pensyarah UTeM, UTHM, MMU Melaka, UPM, UM, Universiti Teknologi PETRONAS dan Politeknik Merlimau. Setelah tamat ketiga-tiga peringkat, peserta layak menjadi tenaga pengajar PBL di peringkat Universiti dan dipertimbangkan untuk mengikuti program *AKEPT Trainers Development Programme (ATDeP)* yang melengkapkan mereka sebagai seorang penceramah ataupun jurulatih bertauliah.


## Pembangunan Ibook, OCW dan MOOC

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) – PPPM(PT), usaha memacu pendidikan maya di UTeM meliputi inisiatif dalam pembangunan e-Kandungan asli & sumber terbuka, pelaksanaan pembelajaran teradun, penyediaan ruang pembelajaran (Learning Space) yang kondusif, dan pembudayaan strategi e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Penghasilan buku interaktif (iBook) dan e-Kandungan OCW (Open Courseware) di UTeM telah dilaksanakan bermula 2014. Pada akhir tahun 2017, sebanyak 16 buah iBook baru dan 16 buah OCW baru telah dihasilkan menjadikan jumlah keseluruhan adalah 32 iBook dan 35 OCW. Selain itu, 3 e-Kandungan MOOC (Massive Open Online Course) baru juga telah dihasilkan menjadikan jumlah keseluruhan adalah 9 kursus MOOC. Jumlah enrolmen terkini kursus MOOC UTeM adalah 9062 pelajar di mana 2747 untuk Critical and Creative Thinking, 870 untuk Multimedia System, 1099 untuk Programming Technique, 2869 untuk Mandarin 1, 1816 untuk Introduction to Database, 1328 untuk Technology Entrepreneurship, 228 untuk Bahasa Jepun 1, 62 untuk Information Technology Security, dan Malaysian University English Test (MUET).

### PEMBANGUNAN iBOOK



### PEMBANGUNAN OCW



### ENROLMEN MOOC: 9062 (2015-2017)

Pada 27 Oktober 2017, Senat UTeM telah meluluskan Prosedur Pindah Kredit MOOC UTeM yang membenarkan pelajar dan bakal pelajar UTeM mengambil kursus MOOC UTeM dan memohon pindah kredit pada semester berikutnya atau semasa pendaftaran masuk ke UTeM. Permohonan pindah kredit ini bermula pada semester 2 sesi 2017/2018.

<p>UTeM MOOC Critical and Creative Thinking 2747</p>	<p>UTeM MOOC Multimedia System 870</p>	<p>UTeM MOOC PROGRAMMING TECHNIQUE 1099</p>
<p>UTeM MOOC Mandarin 1 (V1) 2869</p>	<p>UTeM MOOC An Introduction To Database 1816</p>	<p>UTeM MOOC Technology Entrepreneurship (V1) 1328</p>
<p>UTeM MOOC Bahasa Jepun 1 228</p>	<p>UTeM MOOC Information Technology Security 65</p>	<p>UTeM MOOC Malaysian University English Test (MUET)</p>



## Karnival E-Pembelajaran (eLC2017)

Buat julung kalinya, UTeM telah menganjurkan Karnival e-Pembelajaran (eLC2017) pada 27 Julai 2017 bagi penarafan kualiti ke atas e-Kandungan dan inovasi e-Pembelajaran yang dihasilkan oleh para akademik dan seterusnya mengenalpasti produk dan inovasi yang berkualiti dan berpotensi dimajukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebanyak lima (5) kategori Anugerah Inovasi e-Pembelajaran peringkat UTeM telah diperkenalkan iaitu *The Most Active ULearn Course Page*



*Award, The Most Active UTeM MOOC Award, The Best UTeM MOOC Award, The Best UTeM OCW Award, dan The Best UTeM iBook Award.* Pertandingan juga diadakan untuk kategori Aplikasi Mobil, Sistem Pengurusan Pembelajaran, iBook, OCW, dan inovasi e-Pembelajaran. Sejumlah 60 penyertaan telah dipertandingkan iaitu 37 penyertaan UTeM dan 23 penyertaan Universiti Awam Lain/IPTA/IPTS. Penyertaan UTeM telah berjaya memperolehi 10 Emas, 8 Perak dan 19 Gangsa. Pencapaian iBook UTeM di eLC2017 adalah 2 Emas, 2 Perak, 3 Gangsa, dan Pencapaian MOOC UTeM di eLC2017 adalah 3 Emas dan 6 Gangsa.


4 penyertaan UTeM di eLC2017 telah dipertandingkan pula di *International University Carnival on eLearning 2017 (IUCEL2017)* di mana UTeM telah berjaya meraih 3 Emas dan 1 Perak iaitu *Mandarin iBook: Supporting Language Learning With Multi-Modal Interactivity* (Emas), *Wearable Technology In Education to Enhance Technical MOOC* (Emas), inovasi e-Pembelajaran: *Gamified e-Learning Site Based On Student Intelligence To Increase Student Motivation* (Emas) dan *Enhancing Learning Experience Using Mandarin MOOC* (Perak).



**IUCEL 2017**  
INTERNATIONAL UNIVERSITY  
CARNIVAL ON E-LEARNING

## Blended Learning


Pelaksanaan *Blended Learning* di UTeM kini boleh diukur yang mana Sistem Pengurusan Pembelajaran ULearn dilengkapi dengan modul *Blended Learning Analytic* bermula semester 2 2015/2016. Pencapaian pelaksanaan *Blended Learning* di UTeM adalah 61% pada Semester 2 2016/2017) dan 71% pada Semester 1 2017/2018.



Selain itu, pembelajaran berpusatkan pelajar di UTeM digiatkan lagi dengan penyediaan ruang pembelajaran (Learning Space) yang telah dilaksanakan iaitu meliputi penyediaan lapan (8) bilik pembelajaran kolaboratif (CLearR) yang dilengkapi dengan iPad, TV, multimedia broadcasting device, satu (1) bilik kuliah (ReCap) yang dilengkapi dengan perakam video kuliah automatik yang dimuatnaik terus ke Sistem Pengurusan Pembelajaran ULearn dan boleh dicapai dan dirujuk oleh pelajar pada bila-bila masa, dan 16 bilik kuliah BYOD (Bring Your Own Device).



**Bilik CLearR**



**Bilik ReCap**

## Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH)

Hari Pendaftaran Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Separa Masa bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) telah berlangsung pada 14-15 September 2017 di Samsung IoT, Kampus Teknologi, UTeM. PPSH telah menerima 37 orang pelajar pada kemasukan September 2017.

PPSH juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di ADTEC, Shah Alam pada 27 September 2017 sempena Majlis Pelancaran TVET oleh Perdana Menteri Malaysia.

Antara Program Separa Masa Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan oleh PPSH adalah seperti berikut:



Jadual 2: Petunjuk Prestasi dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2017

FAKULTI	PROGRAM
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian</li> <li>•Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian</li> </ul>
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian</li> <li>•Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian</li> <li>•Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian</li> </ul>
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian</li> <li>•Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian</li> <li>•Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian</li> </ul>

## Promosi dan Pameran

Sepanjang tahun 2017, Unit Promosi dan Pameran Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (A&A) telah terlibat dalam 60 aktiviti promosi dan pameran. Berikut adalah senarai program yang telah disertai.

Bil	Aktiviti Promosi	Pencapaian 2017
1.	Outreach	4
2.	Pameran Akademik Sekolah	6
3.	Pameran Akademik Politeknik	2
3.	Pameran Akademik KPT	17
4.	Pameran Akademik Organisasi	7
5.	Pameran Akademik Antarabangsa	5
6.	Pameran Akademik PPS	3
7.	Pameran Matrikulasi	16
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>60</b>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# 7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan



UTeM

اوپن یونیورسٹی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Senario Penyelidikan dan Inovasi

Penyelidikan dan inovasi di institusi pengajian tinggi di Malaysia telah diperkukuhkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Walaubagaimanapun, untuk mewujudkan industri yang lebih berpengetahuan tinggi, penyelidikan dan inovasi institusi pengajian tinggi telah diberikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Permintaan untuk penyelidikan dan inovasi serta tenaga kerja yang berkemahiran khusus memperkukuhkan peranan institusi pengajian tinggi.

Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) memberi kesan kepada universiti penyelidikan, termasuk universiti MTUN seperti UTeM. Walaupun matlamat UTeM adalah sejajar dengan arus perdana Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat tertiarl namun peranan penyelidikan dan inovasi tidak dapat dinafikan. Oleh itu, pengaturann khusus diperlukan untuk meningkatkan penyelidikan dan inovasi di UTeM agar terus menyokong keperluan MyRA. Buat masa ini, bidang tujuhan Universiti menjurus kepada Pembuatan Lanjutan dan Teknologi Pengkomputeran.

## Pemilikan Geran Penyelidikan

Sehingga Disember 2017, bilangan geran penyelidikan yang diperoleh adalah sebanyak 106 geran dengan jumlah RM5,643,747.10 (Industri / Institusi): RM5,128,572.10) + (UTeM : RM515,175.00).

Perincian maklumat geran adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Geran	Bil. Geran	Jumlah Diluluskan	Nota
1.	<b>Geran Nasional : 26 Geran (RM2,154,069.10)</b>			
	i. FRGS	18	1,276,462.60	Projek bermula 15 Ogos 2017.
	ii. PRGS	1	124,020.00	Projek bermula 15 Ogos 2017.
	iii. TRGS	-	-	-
	iv. KTP	2	103,586.50	i. Mohd Hafiz bin Zakaria (RM51,311.50) ii. Noraswaliza Abdullah (RM52,275)
	v. Sciencefund	3	637,500.00	i. Wong Yan Chiew (RM246,900.00) ii. Mohd Shakir bin Md Saat (RM 134,600.00) iii. Mohd Rizal bin Alkahari (RM 256,000.00)
	vi. Contract Grant	2	7,000.00 5,500.00	i. Mohd Rizal bin Alkahari ( RM 7,000.00) ii. Johar Akbar bin Mohamat Gani (RM5,500.00)

Bil.	Jenis Geran	Bil. Geran	Jumlah Diluluskan	Nota
2.	<b>Geran Swasta/Private Grants : 17 Geran (RM 400,175 – UTeM) + (RM644,075 – Institution/Industry) = RM1,044,250.00</b>			
	i. PPRN	3	125,900.00	i. Kamarul Amir bin Amir Mohamed (RM42,900) ii. Mohd Faruq bin Abdul Latif (RM48,000.00) iii. Raja Nor Firdaus Kashfi bin Raja Othman (RM35,000.00)
		1	40,000.00	iv. Mohd Syahrin Amri bin Mohd Noh (RM40,000.00)
		1	48,000.00	v. Mohammad 'Afif bin Kasno (RM48,000.00)
	ii. Matching Grants UTeM	11	810,350.00. (UTeM – 400,175) (Industry – 410,175)	i. Rosli bin Omar & Mutiara Switchgear Sdn Bhd (RM40,000) ii. Raja Nor Firdaus Kashfi bin Raja Othman & Suria Giant Fan & Services Sdn Bhd (RM60,000) iii. Soo Yew Guan & AdvanLED (RM90,000) iv. Mohd Firdaus bin Mohd Ab Halim & Cervello Tres (RM50,000) v. Kok Swee Leong & Impressive Edge (RM120,000) vi. Massila binti Kamalrudin & Al Ain Consultant (RM50,000) vii. Lim Kim Chuan & MIROS (RM99,750) viii. Muhammad Zaimi bin Zainal Abidin & Subitec Sdn. Bhd (RM100,000)
	iii. Lain-lain	1	20,000.00	i. Mohd Farriz bin Md Basar (RM20,000.00) – Geran hadiah dari kemenangan pertandingan anjuran UTP.



Bil.	Jenis Geran	Bil. Geran	Jumlah Diluluskan	Nota
3.	<b>Geran Antarabangsa : 3 Geran (RM115,000 – UTeM) + (RM117,528 – Institution) = RM232,528.00</b>			
	Big Data Technology Pt Ltd (Australia)	1	50,000 (UTeM) + 50,000 (Big Data)	Goh Ong Sing
	Universitas Diponegoro	1	50,000 (UTeM) + 52,528 (Diponegoro)	Saifudin Hafiz Yahya
	Universitas Muhammadiyah	1	15,000 (UTeM) + 15,000 (Muhammadiyah)	Anidah binti Robani
4.	<b>Geran Universiti : 60 Geran (RM2,212,900.00)</b>			
	a) Short-Term	4	RM60,000.00	i. Zuhriah binti Ebrahim & SAPURA Industrial Bhd (RM30,000.00) ii. Sivarao Subramonian & Tokushima Universiti (RM10,000.00) iii. Raja Izamshah bin Raja Abdullah & Tokushima Universiti (RM10,000.00) iv. Mohd Warikh bin Abdul Rashid & Tokushima Universiti (RM10,000.00)
	b) High Impact	29	1,553,000.00	i. 8 Program (29 Projek)
	c) Prototaip		-	-
	d) Seed Money (MyRA) / Applied Oriented Research Grant (AORG)	24	445,000.00	i. 24 projek
	e) Top Down	3	154,900.00	i. PM Dr. Hambali Bin Arep@ Ariff (RM20,000) ii. PM Dr. Ahmad Rozelan Bin Yunus (RM88,900) iii. Dr. Mohd Azli bin Salim (RM46,000.00)
<b>JUMLAH</b>		<b>106</b>	<b>5,643,747.10</b>	

## Butiran Geran Di peringkat Permohonan / kelulusan:

Bil.	Jenis Geran	Nota
1	FRGS	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah keseluruhan permohonan : 183</li> <li>- Melempi proses penilaian UTeM : 150</li> <li>- Berjaya mendapat geran : 18 (bermula 15 Ogos 2017)</li> </ul>
2	PRGS	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah keseluruhan permohonan : 18</li> <li>- Melempi proses penilaian UTeM : 14</li> <li>- 4 permohonan berjaya ke sesi pembentangan di peringkat KPT.</li> <li>- Berjaya mendapat geran : 1 (bermula 15 Ogos 2017)</li> </ul>

## Penyelidikan Multi Disiplin

### e-Beca UTeM

UTeM menerusi Pusat Kecemerlangan UTeM (CoE) yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Abu Abdullah bersama sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) serta Ketua Penyelidik Prof. Madya Ir. Dr. Abdul Rahim Abdullah telah berjaya menghasilkan beca elektrik bertenaga solar yang dikenali sebagai e-beca.

Objektif utama yang dirancang bagi penghasilan e-beca tersebut adalah untuk memberikan nilai tambah teknologi baru kepada beca konvensional sedia ada di negeri Melaka.

e-beca yang dihasilkan ini mempunyai beberapa kelebihan utama yang terletak pada struktur, kawalan, teknologi dan juga sistem sokongan atau selenggaraan yang mana ianya dibina di makmal penyelidikan di UTeM menggunakan teknologi kerangka yang lebih ringan tetapi kukuh dengan kandungan utama keluli dan aluminium komposit manakala dari segi kawalan pula, kelebihan e-beca ini terletak pada sistem solar yang berupaya menukar kuasa solar kepada kuasa motor elektrik.



## Kolaborasi Penyelidikan

Seiring inisiatif lonjakan tujuh (7) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bertemakan Ekosistem Inovasi yang memberi tumpuan kepada kolaborasi antara pihak universiti dengan industri dalam mempertingkatkan lagi aktiviti penyelidikan melalui perkongsian sumber, UTeM telah mengorak langkah dengan menjalinkan kolaborasi penyelidikan antarabangsa dan juga industri. Padanan kerjasama ini amat penting dalam konteks universiti sebagai usaha menyokong inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang menasaskan penglibatan kedua-dua pihak membangunkan bidang penyelidikan negara.

### i. KOLABORASI ANTARABANGSA

#### Kolaborasi Industri Antarabangsa UTeM Dan Big Data Technology Pty Ltd (Bigtech) Australia

Centre for Advanced Computing Technology (C-ACT) telah mengenalpasti sistem BigTech yang boleh ditambahbaik dengan memperkenalkan kebolehan teknologi *mobile cloud* dan teknologi *QOI fingerprint* selaras dengan perkembangan yang pesat dalam bidang *Internet of Things (IoT)*.

Hasil penyelidikan ini telah memanfaatkan kedua-dua belah pihak daripada aspek sumbangan kepakaran, penggunaan kemudahan, peralatan dan dana termasuk penghasilan output penyelidikan selain mengeratkan hubungan universiti dan industri.

#### Kolaborasi Penyelidikan UTeM Dan Universitas Diponegoro

Ketua Penyelidik bagi projek ini adalah Dr. Saifudin Hafiz bin Yahya yang bertajuk *Development of Robotic Hand Prototype With Pattern Recognition Based Electroencephalography (EEG) Input Signal For Prosthesis And Rehabilitation Application*. Objektif penyelidikan ini antara lain adalah bagi mencipta prototaip tangan robotik sebagai fungsi prostesis dan rehabilitasi dan mencipta prototaip tangan robotik yang diaplikasikan dengan mudah dan praktis.

#### Kolaborasi Penyelidikan UTeM dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY)

Ketua Penyelidik bagi projek ini adalah Dr. Anidah binti Robani dan melibatkan enam orang kakitangan akademik UTeM yang lain. Kolaborasi penyelidikan yang dijalankan bersama Fakulti Agama Islam, UMY dalam bidang pembangunan berkelanjutan (sustainable development) khususnya pembangunan ekonomi lokal/mikro daripada perspektif ekonomi Islam.



## ii. KOLABORASI INSTITUSI DAN INDUSTRI

Berikut adalah senarai kolaborasi UTeM dengan pihak institusi dan industri:

BIL.	KETUA PENYELIDIK	INSTITUSI/INDUSTRI
1	P.M. Ir. Dr. Rosli bin Omar	Mutiara Switchgear Sdn Bhd
2	Dr. Raja Nor Firdaus Kashfi bin Raja Othman	Suria Giant Fan & Services Sdn Bhd
3	Dr. Soo Yew Guan	Led Vision Sdn Bhd
4	Encik Mohd Firdaus bin Mohd Ab Halim	Cervello Tres Sdn Bhd
5	P.M. Dr. Kok Swee Leong	Impressive Edge Sdn Bhd
6	P.M. Dr. Massila binti Kamalrudin	Al Ain Consultant
7	P.M. Dr. Lim Kim Chuan	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
8	Dr. Muhammad Zaimi bin Zainal Abidin	Subitec Sdn Bhd
9	P.M. Dr. Haslinda binti Musa	Must Read Sdn. Bhd
10	Dr. Noorli binti Khamis	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
11	Gs. Dr. Safiza Suhana binti Kamal Baharin	Tuxuri Sdn Bhd



### Kumpulan Penyelidikan (RG) dan Pusat Kecemerlangan (CoE)

Kecemerlangan budaya penyelidikan UTeM dapat dilihat melalui peningkatan aktiviti kumpulan penyelidikan dan pusat kecemerlangan. UTeM melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan pengurusan Pusat Kecemerlangan UTeM telah menyediakan instrumen pengukuran prestasi Kumpulan Penyelidikan (RG) dan Pusat Kecemerlangan (CoE). Instrumen pengukuran RG dan CoE UTeM ini adalah adaptasi daripada instrumen HiCoE yang diguna pakai oleh KPT untuk mengukur prestasi Pusat Kecemerlangan Impak Tinggi Negara.

Berikut adalah hasil daripada penilaian CoE dan RG pada tahun 2017 yang telah diaudit:

CoE	ABBREVIATION	NAMA KETUA	PRESTASI RG (*) 2017	CoE (*) 2017
AMC Advanced Manufacturing Centre	SUSREM	Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad	4	5
	CRT	Prof. Madya Dr. Noraiham binti Mohamad	5	
	SM4GT	Prof. Madya Dr. Jariah binti Mohamad Juoi	5	
	AM	Encik Irianto	2	
	MACHO	Prof. Madya Ir. Dr. Puvanasvaran A/L A. Perumal	3	
	I'Ms	Ir. Dr.-ING. Azrul Azwan bin Abdul Rahman	4	
	SRID	Mohd Soufhwee bin Abd Rahman	3	
C-ACT Centre for Advanced Computing Technology	PMG	Dr. Raja Izamshah bin Raja Abdullah	4	5 <i>(Semakan semula)</i>
	CIT LAB	Prof. Madya Dr. Choo Yun Huoy	4	
	IS3	Prof. Madya Dr. Massila binti Kamalrudin	4	
	OptiMASS	Dr. Zuraida binti Abal Abas	5	
	INSFORNET	Dr Aslinda Binti Hassan	4	
	BiOCORE	Prof. Madya Dr. Burhanuddin bin Mohd. Aboobalder	3	
CARE Centre for Advanced Research on Energy	HCC-ISL	Dr. Mohd Fairuz Iskandar bin Othman	3	4 <i>(Semakan semula)</i>
	PET	Profesor Dr. Sazilah binti Salam	3	
	HIPS	Prof. Dr. Md. Radzai bin Said	N/A	
	AcTIVe	Prof. Madya Dr. Mohd Azman bin Abdullah	N/A	
	A-MAT	Dr. Mohd Zulkefli bin Selamat	4	
	G-TriboE	Prof. Madya Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah	5	
	GrEET	Dr. Tee Boon Tuan	3	
CeRIA Centre for Robotics and Industrial Automation	i-SMAT	Dr. Faiz Redza bin Ramli	3	5
	VIBRO	Dr. Abd. Rahman bin Dullah	3	
	EPS	Dr. Mohd Hendra bin Hairi	5	
	REAT	Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila bin Abd Latif	5	
CeTRI Centre for Telecommunication Research & Innovation	RIA	Dr. Mohd Shahrieel bin Mohd Aras	3	4
	MLSP	Dr. Abd Majid bin Darsono	3	
	MI NE	Dr. Anis Suhaila binti Mohd Zain	4	
	BBNET	Prof. Madya Dr. Azmi bin Awang Md. Isa	3	
	MRG	Prof. Madya Dr. Badrul Hisham bin Ahmad	5	
C-TeD Centre of Technopreneurship Development	ASECs	Prof. Madya Dr. Kok Swee Leong	4	3
	SuITE	Dr. Yusri Bin Arshad	4	
	S-ICOMM	Dr. Norun Najjah Ahmat	3	
	RIMA	Encik Mohd Shamsuri bin Md Saad	3	
	ExcITED	Prof. Madya Dr. Norfaridatul Akmaliah Othman	2	
	ISTE	Profesor Dr. Faaizah Shahbodin	3	

Petunjuk :

	: Menaik
	: Menurun
	: Tiada perubahan


16 RG	4 CoE
3 RG	-
17 RG	2 CoE

## Inovasi dan Pengkomersilan

Anugerah dan pengiktirafan dalam inovasi sememangnya tidak dapat dinafikan merupakan satu anjakan dalam memajukan sains ke arah mencipta teknologi baru dan memacu ekonomi global dalam aspek kertas kerja akademik, paten dan mengkomersilkan penemuan. Prestasi pencapaian bagi tahun 2017 ini dapat dilihat menerusi penyertaan pameran penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa serta pingat-pingat yang dimenangi.

UTeM telah melaksanakan dasar dan inisiatif yang proaktif dalam mengkomersil hasil inovasi dengan mengambil kira Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia, status autonomi UTeM dan Pelan Strategik UTeM 2012-2020. Ini disokong dengan Garis Panduan Harta Intelek & Pengkomersialan UTeM yang telah diwujudkan oleh pihak Universiti dengan memperjelaskan polisi dan garis panduan berkaitan harta intelek penyelidik Universiti dan pengkomersilan.

Perkara	2017
Paten Pending	4
Utility Innovation	0
Copyright	31
Trademark	1
Industrial Design	0
Jumlah	36
Paten Granted	1



Rajah 8: Pemfailan Harta Intelek IPR 2017 UTeM


## Inovasi dan Pengkomersilan

	Inovasi	Penyelidik Utama	Jenis Pengkomersilan
①	Resident Smart Visitor	Prof. Madya Dr. Massila binti Kamalrudin	Exclusive Outright Sales
②	Vehicle Smart Security	Ir. Anuar bin Mohamed Kasim	Exclusive Outright Sales
③	Male Urinal System (SUCi URiS)	Prof. Madya Dr. Hambali bin Arep@Ariff	Non-Exclusive Technology Licensing



## Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi

Pengiktirafan hasil produk penyelidikan dan inovasi terus dimantapkan apabila UTeM telah menyertai pelbagai program promosi produk penyelidikan di pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa lantas telah berjaya memperolehi sebanyak 50 pingat. Kejayaan ini membuktikan bahawa hasil penyelidikan dan inovasi UTeM mempunyai kualiti dan memberi impak kepada industri. Sementara itu teknologi yang digarap menerusi produk dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara.



Rajah 9: Pencapaian Pertandingan Produk Penyelidikan dan Inovasi Sepanjang Tahun 2017



Pengiktirafan hasil produk penyelidikan dan inovasi terus dimantapkan apabila UTeM telah menyertai pelbagai program promosi produk penyelidikan di pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa lantas telah berjaya memperolehi sebanyak 50 pingat. Kejayaan ini membuktikan bahawa hasil penyelidikan dan inovasi UTeM mempunyai kualiti dan memberi impak kepada industri. Sementara itu teknologi yang digarap menerusi produk dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara.

Bil.	Program	Pingat			
		Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas
	<b>Kebangsaan</b>				
1	Malaysia Technology Expo (MTE) 2017	3	2	6	1
2	International Technology Invention and Innovation Exhibition (ITEX) 2017	6	14	0	0
3	Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2017	2	3	5	0
	<b>Jumlah Pingat</b>	<b>11</b>	<b>19</b>	<b>11</b>	<b>1</b>
	<b>Antarabangsa</b>	<b>Emas</b>	<b>Perak</b>	<b>Gangsa</b>	<b>Special Award</b>
1	Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017	2	2	4	0
	<b>Jumlah Pingat</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

**Jadual 1: Senarai pameran dan pingat yang dimenangi**

UTeM menggalakkan kemahiran reka cipta dan inovasi di kalangan pelajar dan staf dengan menganjurkan Innovation Carnival: UTeMEX 2017 pada 30 Oktober hingga 28 November 2017. Beberapa strategi telah diatur bagi meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan seperti menggabung jalin usahasama UTeM dan industri dalam skala kecil yang lebih berfokus iaitu penyertaan hanya melibatkan setiap bidang CoE UTeM.

## Penerbitan

Kriteria penerbitan jurnal berimpak dan prosiding yang diindeks dalam SCOPUS dan Web of Science (WoS) telah turut melonjakkan pencapaian UTeM dalam pelbagai penarafan universiti seperti MyRA, SETARA, MyMOHES dan UI Green.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerbitan dan jumlah sitasi yang telah diraih melalui penulisan daripada staf akademik UTeM.

KPI Penerbitan	2017
Jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks dan prosiding bagi setiap pensyarah	1.437
Jumlah sitasi bagi setiap pensyarah secara kumulatif	8.950





# 8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat

اونيورسيتي

TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Jaringan Industri Dan Masyarakat

Agenda jaringan industri dan masyarakat merangkumi aspek mewujudkan hubungan sehingga menjadi rakan strategik dan membentuk kerjasama melalui memorandum kerjasama (MoU/MoA/Lol). Hubungan rapat ini adalah dengan inisiatif dalam memberi manfaat kepada pelajar terutamanya melalui program-program kebolehpasaran graduan antaranya aktiviti `Jom Cari Kerja Jom Mula Niaga`, *Executive Talk*, *Job Camp*, *Campus Connect*, *SME-University Internship Programme* dan Latihan Industri.

### Program –program Peningkatan Hubungan Industri

Program-program bagi meningkatkan hubungan industri yang dijalankan terbahagi kepada tiga kategori iaitu mewujudkan hubungan yang baharu, meneruskan perhubungan yang sedia ada terutama dengan syarikat atau organisasi yang telah menjalin memorandum kerjasama MoU/MoA, memberi perkhidmatan strategik yang berkaitan dengan penglibatan pelajar, masyarakat dan industri. Secara puratanya, pada tahun 2017 lebih 67 program dan aktiviti dalam meningkatkan hubungan industri terutamanya dalam negeri Melaka dan juga seluruh negara.

Antara program kerjasama yang melibatkan syarikat yang baharu dengan universiti ialah Malaysia Rail Link (MRL) dan MyHSR Corp. bagi menjayakan projek mega kerajaan yang melibatkan teknologi rel berkelajuan tinggi.

Kerjasama UTeM dengan MRL melibatkan MoU dengan *China Communication Construction Company (CCC)* dari negara China bagi melaksanakan Program Latihan Industri Projek Laluan Rel Pantai Timur Negaraku (Program Latihan Industri ECRL Negaraku).

MoU ini telah dimeterai pada 14 Jun 2017 bagi membolehkan Program Latihan Industri ECRL Negaraku ini dilaksanakan bersama-sama dengan 12 buah institusi yang lain iaitu UMP, UMK, UMT, UiTM, UTHM, UniMAP, Unisza, UniKL, Politeknik, Kolej Komuniti dan GiatMARA.

Selain itu, melalui penglibatan langsung UTeM dengan Projek Laluan Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura yang dikenali sebagai MyHSR pula akan dimeterai MoU pada awal tahun 2018. Projek MyHSR Corps ini melibatkan 6 institut yang lain iaitu MARA, UniKL, UTHM, UTM dan Talent Corps.





Melalui pelancaran Program CEO@Faculty oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia pada tahun 2015, UTeM telah dianugerahkan dua orang tokoh iaitu Ketua Pegawai Eksekutif bagi program CEO@Faculty (*CFP 2.0 Learn from The Pros*) iaitu Dr. Lee Cheong Chee, Pengarah Urusan merangkap Presiden Infineon Technologies Malaysia, Melaka dan Datuk Roh Jae Yeol, Pengarah Perhubungan Korporat Samsung Malaysia.

Kedua-dua CEO ini telah melibatkan diri secara aktif dengan mengadakan beberapa siri wacana dan perkongsian ilmu dengan staf akademik dan pelajar sepanjang tahun ini dengan melibatkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Dr. Lee Cheong Chee juga telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh Tun Canselor di Majlis Konvokesyen ke-13 pada 20 dan 21 November 2017.



Berdasarkan kejayaan program ini, dua orang lagi tokoh industri telah dilantik oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada Majlis *CEO@Faculty Appreciation Night* pada 23 November 2017 iaitu Datuk Syed Hussian Aljunid, Pengarah Kanan Operasi Perniagaan Western Digital Malaysia dan Encik Steven Ge Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah urusan ZTE Corporation Malaysia. Fakulti yang terlibat ialah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Fakulit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan industri yang telah lama terjalin ialah Program Campus Connect KPT-WD bagi melaksanakan program latihan industri GriP FTK. Program ini telah dijalankan sejak tahun 2013 dan berjaya melatih 118 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (GriP) dan 234 orang pelajar Diploma (INDEP). Melalui program ini juga turut memberi peluang kepada 59 orang pelajar UTeM untuk menjalani Latihan Industri selama dua bulan di WD Thailand pada tahun 2016 dan 2017.

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan untuk program ini ialah RM1.17 juta bagi tahun 2012 hingga 2017, dengan pecahan kohot pelajar bagi program GriP dan INDEP seperti di Jadual 1 dan 2 di bawah.

**a) Graduate Induction Program (GriP: Target 100 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda)**

COHORT	YEAR	TOTAL	PLACEMENT		
			PJ	JO	PEN
cohort 1 (completed)	Jan 13 - Feb 14	42	29	5	8
cohort 2 (completed)	Jan 14 - Feb 15	16	10	6	0
cohort 3 (completed)	Jan 15 - Feb 16	16	12	4	0
cohort 4 (completed)	Jan 16 - Feb 17	21	21	0	0
FTK cohort 1 (completed)	Jul 15 - Aug 16	13	13	0	0
FTK cohort 2 (completed)	Jun 16 - Aug 17	10	10	0	0
<b>TOTAL GriP INTERN</b>		<b>118</b>			

Jadual 1: Kohort Pelajar Sarjana Muda yang mengikut Program GriP 2013 - 2017

**b) Industrial Development Program (INDEP: Target 200 orang pelajar Diploma)**

COHORT	YEAR	TOTAL	PLACEMENT		
			PJ	JO	PEN
cohort 1 (completed)	May 13 - Nov 13	37	18	7	12
cohort 2 (completed)	Nov 13 - May 14	38	12	12	14
cohort 3 (completed)	May 14 - Nov 14	9	1	4	4
cohort 4 (completed)	Nov 14 - May 15	89	63	12	14
cohort 5 (completed)	Nov 15 - May 16	27	27	0	0
cohort 6 (completed)	Nov 16 - April 17	34	34	0	0
<b>TOTAL INDEP INTERN</b>		<b>234</b>			

Jadual 2: Kohort pelajar Diploma yang mengikut Program INDEP 2013 - 2017



Syarikat Infineon pula telah menyumbang sejumlah RM1.6 juta sejak tahun 2011 bagi menjayakan pelbagai aktiviti kebolehpasaran graduan antaranya ialah Infineon Week 2017, Lean Six Sigma Programme, CEO Teh Tarik Session dan lawatan sambil belajar ke Kilang Infineon yang turut diadakan sesi latihan temuduga .

Seramai 1,880 orang pelajar dan 155 orang staf akademik UTeM telah mendapat manfaat hasil kerjasama UTeM- Infineon yang mana sebahagian daripada kumpulan pelajar yang menjalani latihan industri telah diserap sebagai jurutera Infineon manakala staf akademik pula menjalani latihan sambil bekerja dan berpeluang menjalankan penyelidikan dan pembangunan di syarikat berkenaan.



Sesuai dengan kepakaran di kalangan staf akademik, universiti turut menawarkan khidmat pakar runding kepada 32 buah syarikat dan organisasi pada tahun 2017 seperti di Jadual 3.

PTj / Syarikat	Januari – Disember 2016		Januari - Disember 2017	
	Bil.	Jumlah Caj (RM)	Bil.	Jumlah Caj (RM)
Pej. PNC-JIM	10	99,804.12	6	53,767.15
UTeM Holding & Neraca Niaga S.B.	29	1,128,428.70	16	1,207,965.13
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>	<b>1,228,232.82</b>	<b>32</b>	<b>1,262,732.28</b>

**Jadual 3: Perbandingan statistik dan nilai pelaksanaan kerja perundingan 2016 & 2017**

Universiti juga turut melaksanakan siri mesyuarat meja bulat industri sejak tahun 2014 dan melibatkan lebih 100 buah syarikat dan organisasi seperti di Jadual 4.

Year	2014	2015	2016	2017
CEO Roundtable	16 CEOs -9 Jun 2014			
NGO Roundtable		25 NGOs -19 Nov 2015		
HRM Roundtable			25 buah syarikat -8 Nov 2016	
SME Roundtable				26 SMEs- 13 Dec 2017

**Jadual 4: Pelaksanaan Siri Mesyuarat Meja Bulat Industri**

Selepas mesyuarat itu, pihak urusetia ini akan berhubung semula dengan syarikat dan organisasi berkenaan terutama mereka yang berminat untuk menjalin hubungan dua atau tiga hala seperti Lol/MoU/MoA, khidmat perundingan, penyewaan ruang dan juga peluang usahasama pembangunan dan penyelidikan serta penerbitan.

## Lawatan ke Industri Dalam dan Luar Negara

### Lawatan kerja ke King Mongkut University of Technology North Bangkok (KMUTNB) Thailand 5 April 2017

Pada 5 April 2017, Prof. Madya Dr. Kok Swee Leong, Pengarah Pusat Hubungan Industri (PHI), Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), (PPNC-JIM), Dr. Umar Al-Amani Azlan, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri), Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Ahmad Hafiz Mohd Puad, Penolong Pendaftar, PHI, PPNC-JIM mewakili Universiti Teknikal Malaysia Melaka bersama dengan pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik Malaysia, Ong Seng Keong dan Asseri Abdul Majid melawat ke King Mongkut University of Technology North Bangkok (KMUTNB) yang dijemput oleh WD Thailand untuk membincangkan peluang kolaborasi dalam aspek mobiliti pelajar dan juga penyelidikan.



### Lawatan kerja ke Acara Penutup Latihan GrIP & INDEP di Western Digital Thailand 6 hingga 7 April 2017

Pendedahan pelajar latihan industri ke Western Digital Thailand di bawah *Graduate Internship Program* (GrIP) untuk pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah dilaksanakan dengan jayanya dari 13 Mac ke 8 April 2017. Program ini melibatkan 10 orang pelajar GrIP FTK iaitu 7 orang pelajar FTK UTeM, 2 orang pelajar FTK Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan seorang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan 19 orang pelajar *Industrial Development Program* (INDEP) dari Politeknik Malaysia. Program ini adalah anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi, Western Digital Malaysia, Jabatan Pendidikan Politeknik Malaysia dan Universiti Malaysia Melaka selaku urusetia.



Program latihan industri yang diadakan selama 4 minggu itu dijalankan dengan menggunakan *buddy system* yang mana setiap pelajar Malaysia dipadankan dengan seorang pelajar Thailand dari kolej Ayutthaya semasa menjalankan latihan industri tersebut.



## Memorandum Kerjasama Berimpak

Sepanjang tahun 2017 ini UTeM telah memeterai 45 memorandum kerjasama terdiri daripada empat Surat Niat (LoI), 16 memorandum kerjasama persefahaman (MoU) dan 25 memorandum perjanjian kerjasama (MoA).

Tahun	MoU	MoA	LoI	Jumlah
2017	16	25	4	45

**Jadual 5: Memorandum Kerjasama tahun 2017**

Senarai syarikat yang menjalankan memorandum kerjasama pada tahun 2017 adalah seperti berikut :

a) Surat Niat (LoI)

- i. Tuxuri Sdn. Bhd. - Februari
- ii. Aptikom Region 7, Indonesia – Oktober
- iii. ICONIX Consulting Sdn.Bhd.- Disember
- iv. Saiko Rubber Sdn.Bhd. – Disember

b) Memorandum kerjasama persefahaman (MoU)

- i. Institut For Medical Research (IMR) - Januari
- ii. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) – Februari
- iii. HeiTech Padu – Februari
- iv. Universiti of Electronics Science & Technology of China (UESTC) – Februari
- v. Prince of Songkla University, Thailand (PSU) – Februari.
- vi. Nagaoka University of Technology, Japan – Mac
- vii. S.T. Microelectronis Sdn. Bhd. – Mac
- viii. Master Tec Wire & Cable Sdn.Bhd. – April
- ix. Naif Arab University for Security Science (NAUSS), Arab Saudi – Mei
- x. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JKIM) – Mei

- xi. Malaysia Rail Link (MRL) & China Communication Construction Company (CCCC) – Jun
  - xii. Jabatan Perangkaan (DoSM) – Ogos
  - xiii. Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia – September
  - xiv. Samsung SDI Energy – Oktober
  - xv. Gujerat Forensic Sciences University, India – November
  - xvi. MFS Technologu Sdn.Bhd. – Disember
- c) Memorandum perjanjian kerjasama (MoA)
- i. Badan Amal Kasih Sayang Malaysia (BAKASA) – Januari
  - ii. SAGE Malaysia - Januari
  - iii. Composite Technology Research Malaysia (CTRM) & Aerospace Malaysia Innovation Center (AMIC) - Mac
  - iv. Stevia Industries Sdn.Bhd. - Mac
  - v. Spectre Solution Sdn. Bhd. - Mac
  - vi. Mimos Semiconductor Sdn. Bhd. – Mac
  - vii. Composite Technology Research Malaysia (CTRM) & USM – Mac
  - viii. Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.- April
  - ix. Jabil Circuit, Amerika Syarikat – Mei
  - x. Mutiara Switchgear Services Sdn. Bhd.- Mei
  - xi. Indiana University – Purdue University Indianapolis (IUPUI), Amerika Syarikat – Mei
  - xii. APIM International Academy Sdn. Bhd. – Mei
  - xiii. Universiti Negeri Semarang (UNNES) – Mei
  - xiv. Spektrum Sdn. Bhd. – Jun
  - xv. Fulgent Corporation, Amerika Syarikat – Julai
  - xvi. Tokushima University, Jepun – Julai
  - xvii. WTW Training House – September
  - xviii. Oxley Capital Sdn. Bhd. – Oktober
  - xix. Suria Giant Fan Services Sdn. Bhd. – Oktober
  - xx. Cervello Tress Sdn. Bhd.- Oktober
  - xxi. LED Vision Sdn. Bhd. – Oktober
  - xxii. SME Corporation Malaysia – Oktober
  - xxiii. Universiti Amikom Yogyakarta, Indonesia – November
  - xxiv. Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Amikom Purwokerta, Indonesia – November
  - xxv. Impressive Edge Sdn. Bhd.- Disember

## Kebolehpasaran Graduan

Pelbagai program kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan oleh Pejabat PNC-JIM sepanjang tahun 2017 bagi meningkatkan kebolehpasaran para pelajar UTeM.

Berikut adalah antara program atau aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

Bil.	Tarikh	Nama Aktiviti / Program	Bilangan Peserta (orang)
1	Feb. – Dis. 2017	Kempen Jom Cari Kerja, Jom Mula Niaga	Semua pelajar tahun 3 dan 4
2	Jan – Dis. 2017	Virtual Career Carnival di portal UTeM Career Connet	Lebih 20 syarikat terlibat
3	21 Feb. 2017	Lawatan ke SL1M PWTC Job Fair	Pelajar MPP
4	8 Mac 2017	Career Talk & Internship Interview with Texas Instrument	92 pelajar tahun akhir hadir talk dan 40 pelajar tahun akhir hadi temuduga.
5	9 Mac 2017	Seminar Ubah Minda Jadi Usahawan	21 Pelajar
6	29 Mac 2017	Lawatan ke Temuduga SL1M UMP, Gambang, Pahang	60 pelajar
7	12 April 2017	Career Seminar by RHB Group	20 pelajar
8	14 April 2017	Enhancing Graduate Employability & Soft Skill by Dr. Ranjit Singh	Ketua PTJ dan Dekan
9	15 April 2017	Bengkel 'Theory of Innovative Problem Solving' – TRIZ.	36 pelajar
10	19 April 2017	Program Mock Interview - FKE	30 pelajar
11	25 - 26 April 2017	Booth U2C di UTeM Career Fair 2017, Dewan Canselor.	2000 pengunjung
12	25 April 2017	Alumni sharing Session	30 pelajar
13	26 April 2017	Pertandingan Innovation Challenge TRIZ	26 pelajar
14	26 April 2017	Career Talk by Pos Aviation Sdn. Bhd.	30 pelajar
15	26 April 2017	Program Mock Interview - FTMK	122 pelajar
16	8 Mei 2017	Career Talk, Alumni Sharing Session and CV workshop with Infineon Technologies (M) Bhd.	124 pelajar
17	9 Mei 2017	Infineon EBX Interview	53 pelajar
18	17 & 24 Mei 2017.	Program Mock Interview – FPTT, FKM dan FKEKK	238 pelajar
19	24 Mei 2017	CEO Talk – SME Corp Malaysia	74 pelajar
20	20 Mei 2017	Lawatan ke Graduan Aspire Fair	15 pelajar
21	Jun 2017	Tracer Study 2016 – Kajian 6 bulan	570 graduan 2016
22	Julai – September 2017	Program SME – University Internship 2017	20 pelajar, 4 syarikat PKS, 4 mentor FPTT
23	25 – 27 Ogos 2017	Program Temuduga SL1M MITC, Melaka - Sukarelawan	23 pelajar UTeM terlibat sebagai sukarelawan
24	11 Oktober 2017	Sesi Taklimat Program Sme-University Internship 2017	20 pelajar terpilih sebagai Perantis Konsultan
25	8 November 2017 (Rabu)	Sesi Pembentangan Pertama Program Sme – University Internship 2017	20 pelajar terpilih sebagai Perantis Konsultan
26	29 November 2017 (Rabu)	Sesi Pembentangan Kedua Program Sme University Internship 2017	20 pelajar terpilih sebagai Perantis Konsultan
27	11 Disember 2017 (Isnin)	Program Pembentangan Terakhir Sme – University Internship" Utem 2017	20 pelajar terpilih sebagai Perantis Konsultan
28	11 Disember 2017 (Isnin)	Program Airbus Career Talk	87 Pelajar telah menghadiri program ini.

**Jadual 6: Senarai program dan aktiviti untuk pelajar sepanjang tahun 2017**

Pemakluman mengenai peluang pekerjaan oleh UTeM Career Connect melalui laman sesawang *Virtual Career Fair* dengan alamat <http://careerconnet.utm.edu.my> berfungsi untuk membantu pelajar UTeM mendapatkan sebarang maklumat dan peluang pekerjaan di samping memudahkan permohonan ke jawatan yang ditawarkan oleh syarikat. Sepanjang tahun 2017 terdapat sebanyak hampir 30 buah syarikat yang turut serta dalam usaha ini. Pihak industri telah menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dalam kerjasama yang dijalinakan ini, dan hasilnya telah menarik minat seramai 646,000 orang pelawat yang melayari portal ini. Senarai syarikat yang menyertai Virtual Career Fair 2017 adalah seperti Jadual 7.



Virtual Career Fair 2017		
1	Cohu Malaysia Sdn Bhd	Jan - Mac 2017
2	Dignersys Cloud Berhad	Jan - Mac 2017
3	Data Delima Resources Sdn Bhd	Jan - Mac 2017
4	Edutech Supply & Services	Jan - Mac 2017
5	Top Glove Corporation Berhad	Jan - Mac 2017
6	Vivahomes Realty Sdn Bhd (Shah Alam)	Jan - Mac 2017
7	Adtek Malaysia Sdn Bhd	Jan - Mac 2017
8	Kerry Asia Pacific	Jan - Mac 2017
9	Softinn Solutions Sdn Bhd	Jan - Mac 2017
10	Muehlbauer Technologies Sdn Bhd	Jan - Mac 2017
11	I Life Planning Agency	Apr-17
12	Industrial Automation (M) Sdn. Bhd.	Apr-17
13	Master Tec Wire & Cable Sdn. Bhd.	Apr-17
14	Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd.	Apr-17
15	I-Xeon Msc Sdn Bhd	Apr-17
16	Mega Printing & Packaging Sdn. Bhd	Apr-17
17	Fonion Cultural Travel & Tours Sdn. Bhd.	Jun-17
18	Exis Tech Sdn. Bhd.	Jun-17
19	Megavision Focus Sdn. Bhd.	Jun-17
20	Canvio Sd. Bhd.	Jun-17
21	Ykgi Holdings Berhad	Jun-17
22	Packerman Sdn. Bhd.	Jun-17
23	Eternal Materials (Malaysia) Sdn. Bhd.	Jun-17
24	Sony Emcs (Malaysia) Sdn Bhd	Jun-17
25	Perodua	July 2017
26	Yeo Hiap Seng Malaysia Bhd	August 2017
27	Akashi Kikai Industry (M) Sdn.Bhd	August 2017
28	XCEL ITECH Sdn Bhd	August 2017
29	MF Technology Supply & Services	August 2017
30	ACSON Malaysia Sales & Service Sdn Bhd	Nov 2017

**Jadual 7: Senarai syarikat yang menyertai UTeM Career Connect tahun 2017**



Kajian kebolehpasaran graduan (GE) UTeM semasa konvokesyen bagi tahun 2017 telah mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 74.88% manakala kajian susulan menunjukkan peningkatan peratusan GE kepada 76.81%. Majlis Konvokesyen tahun 2017 adalah pada 20 dan 21 November 2017 melibatkan seramai 3,126 orang graduan dengan kadar respon sebanyak 96.25%.

Sektor pekerjaan graduan utama UTeM 2017 adalah dalam bidang swasta iaitu dalam swasta tempatan (46.57%) dan swasta multinasional (33.35%) diikuti dengan sektor kerajaan (4.57%) serta sektor perusahaan sendiri (7.10%). Selebihnya sama ada bekerja di sektor badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain seperti di Jadual 9.


Sektor Pekerjaan	Bil	%
Kerajaan	74	4.57
Badan berkanun	36	2.22
Swasta multinasional	540	33.35
Swasta tempatan	754	46.57
Perusahaan sendiri	115	7.10
Lain-lain	22	1.36
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	33	2.04
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	45	2.78
<b>Jumlah</b>	<b>1,619</b>	<b>100</b>

Jadual 8: Senarai Pekerjaan Pelajar UTeM Semasa Konvokesyen 2017

Kajian kebolehpasaran graduan UTeM dari tahun 2006 hingga tahun 2017 telah menunjukkan purata sebanyak 53.06% orang graduan yang memperolehi pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Status Pekerjaan	Tahun Konvo																							
	2006		2007		2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014		2015		2016		2017	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	348	35.12	534	40.49	722	50.56	693	44.25	576	42.01	704	48.19	947	52.73	960	47.45	874	38.47	1072	42.73	1539	57.79	1,717	57.04
Melanjutkan pengajian	192	19.37	218	16.53	175	12.25	236	15.07	267	19.47	261	17.86	343	19.10	399	19.72	560	24.65	398	15.86	339	12.73	314	10.43
Meningkatkan kemahiran	25	2.52	26	1.97	24	1.68	159	10.15	43	3.14	29	1.98	48	2.67	37	1.83	46	2.02	81	3.23	86	3.23	103	3.42
Menunggu penempatan pekerjaan	1	0.10	14	1.06	74	5.18	72	4.60	73	5.32	41	2.81	39	2.17	70	3.46	83	3.65	111	4.42	69	2.59	120	3.99
Belum bekerja	425	42.89	527	39.95	433	30.32	406	25.93	412	30.05	426	29.16	419	23.33	557	27.53	709	31.21	847	33.76	630	23.66	756	25.12
<b>Jumlah</b>	<b>991</b>	<b>100</b>	<b>1319</b>	<b>100</b>	<b>1428</b>	<b>100</b>	<b>1566</b>	<b>100</b>	<b>1371</b>	<b>100</b>	<b>1461</b>	<b>100</b>	<b>1796</b>	<b>100</b>	<b>2023</b>	<b>100</b>	<b>2272</b>	<b>100</b>	<b>2509</b>	<b>100</b>	<b>2663</b>	<b>100</b>	<b>3,010</b>	<b>100</b>

Jadual 9: Tren Status Pekerjaan Graduan UTeM 2006-2017



Jadual 10: Tren Kebolehpasaran Graduan UTeM Semasa Konvokesyen 2006 – 2017

## Program Bersama Alumni UTeM

Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan sebagai badan perhubungan antara Alumni dengan pihak universiti, beberapa aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 dengan tujuan memperkasakan pengurusan Alumni UTeM.

Pelaksanaan pelbagai aktiviti ini adalah untuk menanamkan semangat cinta kepada alma mater serta memupuk semangat pemuafakatan bagi mengekalkan jaringan yang kukuh di kalangan ahli-ahli alumni di samping hubungan yang erat di antara alumni dan universiti.

## Program Alumni Talk (Penulisan Resume dan Adab Temuduga)

Alumni Talk mendedahkan para pelajar dengan penulisan *resume* yang diperlukan oleh industri masa kini. Di samping itu, adab dan kaedah ketika temuduga juga dibicarakan dalam *Alumni Talk* ini.

Penceramah adalah dikalangan Alumni FTK sendiri. Iaitu Muhammad Syazwan Shaharum dan Mohamad Fadlan Ahmad Lothfy. Program *Alumni Talk* telah diadakan pada 22 Mac 2017 dan melibatkan seramai 350 orang pelajar.



## Program Alumni Prihatin Infaq Ramadhan

Program ini telah diadakan pada 6 Jun 2017 jam 6 petang dihadiri oleh Presiden Alumni dan Dekan FKM serta ahli-ahli alumni yang bertugas di UTeM dan juga yang bertugas berdekatan UTeM.

Juadah berbuka puasa adalah hasil daripada sumbangan ahli-ahli alumni sendiri dan sumbangan daripada Kelab FKM. Program ini adalah julung-julung kali diadakan hasil dari keprihatinan dan tanggungjawab Alumni terhadap pelajar-pelajar UTeM yang kurang berkemampuan di samping mengambil keberkatan di bulan Ramadhan yang mulia.



## Program Konvoi Ziarah Ramadhan Alumni Prihatin UTeM Bersama Masyarakat

Program Konvoi Ziarah Ramadhan Alumni Prihatin UTeM Bersama Masyarakat anjuran Persatuan Alumni UTeM dengan kerjasama Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan PJIM bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan di sekitar Durian Tunggal.

Seramai 20 orang alumni yang terlibat dalam menjayakan program ini dengan menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan harian iaitu beras, tepung, gula, minyak masak dan wang saguhati kepada 10 keluarga yang terdiri daripada warga emas, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal dan pesakit (kanser dan stroke).

Program ini turut mendapat kerjasama daripada ADUN Durian Tunggal Datuk Hj. Ab. Wahab bin Hj. Ab. Latip yang turut serta dalam program ziarah ini yang telah dijalankan pada 21 Jun 2017



## Majlis Pelancaran Alumni Zon Tengah 2017

Pada 22 April 2017 Majlis Pelancaran Alumni Zon Tengah telah diadakan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur dan mendapat penyertaan melibatkan seramai 80 orang Alumni yang menetap dan bekerja di sekitar Lembah Kelang.

Majlis ini dilaksanakan bagi menubuhkan cawangan Alumni di zon tengah bagi memudahkan segala maklumat dapat disalurkan dan penglibatan dalam penganjuran aktiviti lebih menyeluruh. Pertemuan ini juga untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran daripada semua ahli demi untuk menaikkan martabat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) setaraf dengan universiti awam yang lain.

Mesyuarat Agong AUTeM juga diadakan bersekali dengan Majlis Pelancaran Alumni Zon Tengah. Dengan Pelantikan barisan jawatankuasa yang baharu, diharapkan AUTeM terus memberi sumbangan hebat ke arah pembangunan universiti.



## Sesi Bersama Alumni UTeM Sempena Minggu Haluan Siswa UTeM 2017/2018

Program ini telah dijalankan di Dewan Besar UTeM pada 7 September 2017 jam 8.00 malam dan dihadiri seramai 2,000 orang mahasiswa baru bagi sesi 2017/2018. Seramai empat orang Alumni UTeM telah dijemput untuk menyampaikan maklumat dan perkongsian ilmu iaitu Azrul bin Aziz (ahli LPU merangkap Presiden AUTeM) selaku Moderator, Dr. Khairuddin bin Osman (Pensyarah FKEKK merangkap Timbalan Presiden), Muhammad Nu'adnan bin Abu Bakar (Pengarah komunikasi korporat Yayasan PEMACU Rakyat JPM) dan Mohd Khairul Nizam Bin Suhaimin (RND Engineer di Sapura Industrial).

Sesi Bersama Alumni di Minggu Haluan Siswa merupakan slot khas yang disediakan dengan tujuan untuk mempromosikan Persatuan Alumni beserta fungsi utamanya termasuklah memberikan gambaran serta persediaan suasana pembelajaran dan pengajaran di UTeM seterusnya maklumat ini disampaikan oleh Dr. Khairuddin bin Osman. Manakala forum dan perkongsian ilmu dikendalikan oleh Azrul bin Aziz dengan memperkenalkan alumni UTeM yang telah berjaya dalam kerjaya masing-masing untuk dijadikan sumber inspirasi.





## Majlis Homecoming Alumni UTeM 2017

Majlis Homecoming Alumni UTeM ini adalah satu usaha bersama antara Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat.

Homecoming 2017 telah dihoskan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang diadakan pada 16 Disember 2017 (sabtu) di Kafeteria Kampus Teknologi dengan Tema "*Kita Satu Keluarga... Di sini segalanya bermula*". Majlis turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM.



## Retreat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) 2017

Barisan kepimpinan baru Jawatankuasa Persatuan Alumni UTeM bagi sesi 2017 hingga 2019 telah mengadakan satu program sebagai wadah bagi para ahli jawatankuasa untuk berbincang dan melontar idea berkaitan beberapa isu dan hala tuju persatuan.

Retreat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) 2017 telah diadakan pada 15 hingga 17 Disember 2017 bertempat di Samsung IOT Kampus Teknologi yang dihadiri lebih kurang 20 orang Ahli Jawatankuasa AUTeM dan Pengarah PPAKG turut hadir sama dalam majlis ini. Retreat ini juga menjadi platform untuk menyusun gerak kerja iaitu melihat semula pelan transformasi sedekad AUTeM yang telah dilancarkan pada tahun 2011 dan melihat semula isu-isu semasa antaranya isu Koperasi Persatuan Alumni UTeM (KAUTeM), isu Rumah Alumni, isu keahlian dan juga isu perlembagaan persatuan.



Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta	Penganjur
1.	Perjumpaan Alumni Dalam UTeM dan Perlantikan Jawatankuasa Alumni Dalam UTeM.	18 Januari 2017	Galaxy Samsung IOT, Kampus Teknologi	30 MPP orang	PPAKG PJIM & AUTeM
2.	Program Perkongsian Ilmu (Ceramah Pengurusan Majlis dan Protokol)	23 Januari 2017	Pusat Persatuan Pelajar UTeM.	40 orang	PPAKG PJIM & HEP
3.	Bengkel Infosys JAVA-MVC	7 – 11 Feb 2017	Makmal Komputer FTMK UTeM	52 orang	PPAKG PJIM & FTMK
4.	Program Perkongsian Ilmu (Ceramah Etika Sosial dan Protokol)	24 Feb 2017	Dewan UTeM1, UTeM	50 orang	PPAKG PJIM & FTK
5.	Alumni Talk (Penulisan Resume dan Adab Temuduga)	22 Mac 2017	Makmal FTK UTeM	40 orang	PPAKG PJIM & AUTeM, FTK
6.	Bengkel Infosys JAVA-MVC	15 & 16 April 2017	Makmal Komputer FTMK UTeM	52 orang	PPAKG PJIM & FTMK
7.	Majlis Pelancaran Alumni Zon Tengah 2017 & Mesyuarat Agong Alumni	22 April 2017	KGPA Kuala Lumpur	100 orang	PPAKG PJIM & AUTeM
8.	Program Alumni Prihatin Sumbangan Juadah Berbuka Puasa Kepada Pelajar-Pelajar UTeM dan Warga Kampus Teknologi	6 Jun 2017	Kampus Teknologi	200 orang	PPAKG PJIM & AUTeM
9.	Program Ziarah Ramadhan Alumni Prihatin UTeM Bersama Masyarakat	21 Jun 2017	DUN Durian Tunggal	10 keluarga Fakir Miskin	PPAKG PJIM & AUTeM
10.	Jamuan Hari Raya Aidil Fitri Alumni UTeM.	20 Julai 2017	Galaxy Samsung IOT, Kampus Teknologi	100 orang	PPAKG PJIM & AUTeM
11.	Sesi Bersama Alumni UTeM sempena Minggu Haluan Siswa UTeM 2017/2018	7 September 2017	Dewan Canselor UTeM.	2000 pelajar	PPAKG PJIM, AUTeM & HEP
12.	Pendaftaran Ahli Alumni & Penggunaan Sistem Alumni	16 - 19 November 2017	Bilik Makmal 5 PPS UTeM	3100 pelajar	PPAKG PJIM & AUTeM
13.	Program Raikan Cinta Bersama Pelajar FTK	19 2017	Lobi FTK UTeM	460 pelajar	PPAKG PJIM, AUTeM & FTK
14.	Alumni Entrepreneur Network Program	9 - 10 Disember 2017	IOT, Kampus Teknologi, UTeM	6 Alumni 30 pelajar	PPAKG PJIM & AUTeM
15.	Program Alumni Home Coming	16 Disember 2017	Kampus Teknologi, UTeM	300 orang	PPAKG PJIM & AUTeM
16.	Program Retreat AUTeM 2017	15 - 17 Disember 2017	Samsung IOT Kampus Teknologi	30 orang	PPAKG PJIM & AUTeM
17.	Program Makan Malam FKM Bersama Alumni 2017	30 Disember 2017	King Green Hotel Melaka	70 orang	PPAKG PJIM, FKM & AUTeM

**Jadual 11: Senarai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Unit Alumni**

## PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT

### Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR 2017 Tahun ke-2

Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR 2017 melibatkan 1,514 orang pelajar UPSR dari 78 buah sekolah rendah. Fasilitator mahasiswa bukan sahaja daripada UTeM iaitu seramai 85 orang tetapi juga daripada Universiti Teknologi Mara Melaka (UiTM) Kampus Jasin seramai 27 orang, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) seramai 26 orang dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL MICET) seramai 13 orang.

Majlis Pelancaran Sesi Intervensi Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR telah diadakan pada 12 Ogos 2017 di Dewan Besar UTeM yang disempurnakan oleh YB. Datuk Hj. Ab. Wahab bin Hj. Ab. Latip, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Durian Tunggal, Melaka mewakili YAB. Ketua Menteri Melaka.

### Program Susulan *Nanum Village A Community Sharing Programme* di Bawah Program Transformasi Luar Bandar di Kampung Ulu Tual Kuala Lipis Pahang

Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan peruntukan bagi projek komuniti di bawah program Transformasi Luar Bandar (NBOS4) kepada Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, PNC PJIM UTeM.

Fasa pertama projek ini telah dilaksanakan dengan jayanya dalam program *Nanum Village A Community Sharing Programme* yang telah diadakan pada 22 Ogos 2015 di Kampung Tual, Kuala Lipis, Pahang yang mana sebuah tenaga solar telah berjaya dibangunkan di Pusat Didikan Komuniti berkaitan.

Program lawatan susulan berkaitan mendirikan projek sistem Micro-hydro dan Kajian Impak Sosial juga telah dilaksanakan dengan menggunakan baki Tabung Projek Komuniti di Bawah Program Transformasi Luar Bandar ini pada 22 hingga 24 Mei 2016 dan program lawatan susulan *Nanum Village Vol.2 A Community Sharing Programme* juga telah diadakan pada 24 September 2016.

Justeru dalam usaha kerjasama industri yang berterusan di antara universiti, industri dan komuniti, program susulan *Nanum Village A Community Sharing Programme* ini telah diadakan 21 Oktober 2017 di Kampung Ulu Tual, Kuala Lipis, Pahang bertemakan *Samsung Love Care*.



## Bengkel Susulan Coaching NLP Bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal Melaka

Bengkel Susulan Coaching NLP Kepimpinan Bagi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal pada 6 Mei 2017 merupakan inisiatif bersama UTeM dan Pejabat ADUN Melaka ke arah membantu meningkatkan kecemerlangan kepimpinan individu peserta berkaitan dimana penyertaan ke bengkel ini adalah dalam kalangan Pengerusi, Setiausaha dan ahli JKKK Kawasan Durian Tunggal Melaka.

Program ini telah berjaya direalisasikan dengan penglibatan seramai 55 orang pemimpin masyarakat dari kawasan DUN Durian Tunggal Melaka dan dikendalikan oleh Team Coaching dari UTeM. Program ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kecemerlangan diri untuk ke arah kepimpinan yang lebih berkesan kepada peserta berkaitan.

## Program Young Innovations Challenge 2017 Melaka

Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Jabatan Pendidikan Melaka telah menganjurkan Program Young Innovator's Challenge 2017 (Melaka) pada 20 Mei 2017 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Program Young Innovator's Challenge 2017 (Melaka) adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar sekolah menengah khususnya bagi sekolah-sekolah menengah di negeri Melaka kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pengetahuan dalam STEM di kalangan pelajar sangat penting dan ini bakal membantu para pelajar memilih kerjaya yang mereka minati berkaitan dengan STEM di kemudian hari.

## Program Transformasi Keusahawanan 2017

Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Jawatankuasa Khidmat Masyarakat Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan Sosial (CASE) telah menganjurkan Program Transformasi Keusahawanan 2017 Untuk Belia Melaka pada 19 Ogos 2017 bertempat di Hotel MITC, Ayer Keroh Melaka.

Misi adalah untuk memberikan peluang kepada para belia secara umum terutama kepada mereka dari kawasan luar bandar, bandar, separa bandar. Peluang ini juga dibuka kepada belia yang terdedah kepada kelebihan daya saing dan kedudukan untuk berjaya dengan mewujudkan dan melaksanakan aktiviti yang berkesan bagi memperkasa bidang keusahawanan.

Pada akhir program setiap peserta bersaing untuk mendapatkan geran benih (Seed Grant) melalui pertandingan geran. CASE akan menyediakan geran benih sehingga RM 10,000.00 kepada 3 cadangan terbaik yang dipilih oleh Jawatankuasa CASE. Pada masa yang sama CASE juga akan menghantar proposal peserta lain kepada agensi pembiayaan geran, modal teroka atau pelabur syarikat.

Program ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta daripada negeri Melaka dan majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Presiden CASE Sheikh Ali bin Sheikh Hussin.



## Program Transformasi Pembelajaran di Sekolah Berimpak Tinggi menggunakan kaedah NLP

Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Melaka telah menganjurkan Program Transformasi Pembelajaran di Sekolah Berimpak Tinggi Menggunakan Kaedah NLP pada 8 November 2017 di Auditorium Canselori Kampus Induk UTeM.

Program Transformasi Pembelajaran Di Sekolah Berimpak Tinggi Menggunakan Kaedah NLP merupakan inisiatif bersama UTeM dan Jabatan Pendidikan Melaka bertujuan membantu meningkatkan kecemerlangan kepimpinan dari sudut pendidikan. Penyertaan ke program ini adalah di kalangan Pengetua, Guru Kaunselor serta guru-guru dari Jabatan Pendidikan Melaka. Program ini merupakan salah satu program yang berfungsi sebagai platform yang memberi input kepada universiti dalam perkongsian ilmu bersama guru dan tokoh pendidik dari Jabatan Pendidikan Melaka.

Program ini menghimpunkan seramai 156 orang guru dan tokoh pendidik dari Jabatan Pendidikan Melaka bagi mendapatkan input berkaitan NLP bersama ahli akademik UTeM.





UTeM

اوتیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# 9.0 Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Prasarana



اوتيم سي تي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Kampus Induk UTeM

Menjelang tahun 2017 Kampus Induk UTeM terus membangun dan berkembang selaras dengan perancangan universiti. Berlandaskan tema 'Sepakat Ihsan Persada Gemilang', UTeM terus melangkah dan menghadapi semua cabaran semasa dunia yang meliputi cabaran politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

Pembangunan Kampus Induk masa kini adalah ke arah menyokong Transformasi Melaka 2050 (TM50) yang menjadi asas kepada pembangunan negeri Melaka sepertimana termaktub dalam agenda Melaka Maju Fasa II. Beberapa usahasama bersama Kerajaan Negeri Melaka telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan UTeM sentiasa bersama dalam setiap perancangan kerajaan negeri seterusnya bersama-sama ke arah lebih baik yang maju, selamat dan aman makmur.

## Pembangunan Kampus Induk

### Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK10;RP4)

Projek di bawah RMK10;RP4 melibatkan 4 komponen projek fizikal yang mana salah satu projek tersebut di bawah pelaksanaan UTeM dan 3 projek di bawah pelaksanaan Jabatan Kerja Raya (JKR). Berikut adalah status pelaksanaan projek:

BIL.	PROJEK	AGENCI PELAKSANA	GAMBAR KEMAJUAN	STATUS	CATATAN
1	Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Kumbahan Fasa 2 Berkapasiti 8,500 PE	UTeM		Siap Sepenuhnya	Tarikh Mula : 18/09/2015 Tarikh Siap : 12/09/2016 Tarikh Serahan : 12/09/2016
2	Pembinaan Bangunan Pencawang Pembahagi Utama Elektrik 33kV dan Pencawang Elektrik	JKR		Siap Sepenuhnya	Tarikh Mula : 30/06/2015 Tarikh Siap : 29/02/2016 Tarikh Serahan : 30/03/2017
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Bekalan Elektrik dari 11kV kepada 33kV	JKR		Siap Sepenuhnya	Tarikh Mula : 30/06/2016 Tarikh Siap : 25/02/2017 Tarikh Serahan : 10/01/2018
4	Pembinaan Tangki Simpanan Air	JKR		Siap Sepenuhnya	Tarikh Mula : 25/05/2016 Tarikh Siap : 23/05/2017 Tarikh Serahan : 23/05/2017
5	Pembinaan Fakulti Teknologi Kejuruteraan	JKR		Diperingkat Pembinaan	Tarikh Mula : 10/05/2016 Tarikh Siap : 07/05/2017



## Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP1)

Jumlah keseluruhan kos projek fizikal RMK11;RP1 adalah berjumlah RM73.28 juta yang melibatkan 3 komponen projek. UTeM komited untuk memastikan segala perancangan projek dilaksanakan mengikut tempoh kontrak yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, semua projek telah bermula dan berikut merupakan ringkasan status pelaksanaan projek.

- i. Membina Dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
 Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
 Kontraktor : Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd.  
 Tarikh Mula : 23 Oktober 2017  
 Tarikh Siap : 23 Ogos 2019  
 Status:  
 - Di peringkat permohonan kelulusan pembinaan  
 (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.)




**Lukisan Perspektif**

- ii. Membina Dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah  
 Kaedah Pelaksanaan : Konvensional  
 Perunding : Saada Architect  
 : Perunding Kejuruteraan Mahir  
 : Synergy Tech Consult Sdn. Bhd.  
 : Menara Teknik  
 Tarikh Mula Pembinaan : 17 Mei 2018 (anggaran)  
 Tarikh Siap Pembinaan : 16 Oktober 2019 (anggaran)  
 Status:  
 - Di peringkat permohonan kelulusan pembinaan  
 (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.)  
 - Di peringkat penyediaan dokumen tender bagi perolehan kontraktor.



Lukisan Perspektif

- iii. Membina & Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan  
 Kaedah Perlaksanaan : Konvensional  
 Perunding : Iras Perunding  
 Tarikh Mula Pembinaan : 24 April 2018 (anggaran)  
 Tarikh Siap : 23 November 2018 (anggaran)  
 Status:  
 - Di peringkat permohonan kelulusan pembinaan (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan).  
 - Di peringkat penyediaan dokumen tender bagi perolehan kontraktor.



Lukisan Jajaran Jalan

### Rolling Plan 3 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP3)

Bagi memastikan UTeM terus berkembang mengikut perancangan universiti, sembilan (9) permohonan termasuk projek fizikal dan perolehan peralatan akademik telah dimohon untuk perakuan dan kelulusan pihak KPT. Kos projek/program yang dipohon adalah berjumlah RM289,589,989.00.

Berdasarkan permohonan ini, pihak KPT hanya memperaku empat (4) komponen projek fizikal dengan jumlah kos RM122,900,000.00 untuk diangkat ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Berikut adalah butiran permohonan RMK10;RP3:

Bil.	Projek	Kos (RM)
1.	Tambahan Peruntukan Pembayaran GST Bagi Pembinaan Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan	3,900,000.00
2.	Membina Dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	62,000,000.00
3.	Membina Dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Pejabat Pentadbiran	20,500,000.00
4.	Peralatan Aktif Rangkaian Dan Infrastruktur Pengkomputeran	36,500,000.00

## Pembangunan Asrama Berkapasiti 5,000 Pelajar Melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative, PFI)

UTeM telah berjaya menyiapkan projek pembangunan asrama ini mengikut tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Pencapaian ini telah memberi impak yang amat baik yang mana pihak KPT telah menyenaraikan projek ini sebagai salah satu contoh projek PFI yang dilaksanakan dengan baik.

Projek ini bermula pada 16 Mac 2015 dan telah siap sepenuhnya pada 15 September 2017. Asrama ini telah dinamakan Kolej Kediaman Satria dan telah mula beroperasi pada 19 September 2017.



### Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Mengurus

UTeM amat komited dalam memastikan ruang yang disediakan mampu meningkatkan prestasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan khususnya kepada para pelajar dan masyarakat sekitar amnya.

## Membina Serta Menyiapkan Satu Bangunan Pentadbiran Pusat Islam, Tadika dan Taska

Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional
Perunding	: Amalina & Yusri Architect Sdn. Bhd.
Tarikh Mula Pembinaan	: 7 Jun 2018 (anggaran)
Tarikh Siap Pembinaan	: 6 Jun 2020 (anggaran)
Status:	
	- Di peringkat permohonan kelulusan pembinaan (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan).
	- Di peringkat penyediaan dokumen tender bagi perolehan kontraktor.



Lukisan Perspektif

## Kerja-Kerja Pembinaan Permatang Pelajar dan Lain-Lain Kerja Berkaitan

Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional
Kontraktor	: Empayar Bina Enterprise
Tarikh Mula	: 2 Februari 2017
Tarikh Siap	: 31 Januari 2018 (anggaran)
Status:	
	- Di peringkat permohonan kelulusan pembinaan (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan).
	- Di peringkat penyediaan dokumen tender bagi perolehan kontraktor.





**UTeM**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# 10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori

## Penjenamaan Semula Perpustakaan Kepada Perpustakaan Laman Hikmah



Penjenamaan semula Perpustakaan UTeM kepada Perpustakaan Laman Hikmah merujuk kepada fungsi perpustakaan yang telah berubah bukan sahaja menjadi gedung ilmu malah menjadi tempat pertemuan untuk warga UTeM. Penjenamaan semula perpustakaan ini bertujuan untuk meningkatkan imej korporat dan memperkasakan lagi fungsi perpustakaan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di samping dapat meningkatkan reputasi dan kredibiliti Universiti secara amnya.

Nama Laman Hikmah secara rasminya telah dilancarkan bersama nama Dewan Canselor dan nama-nama tasik oleh Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka yang juga merupakan Canselor UTeM pada 14 September 2017 dalam Majlis Pelancaran Nama Bangunan dan Tasik UTeM dan Perasmian Pesta Buku & Multimedia UTeM 2017 di Dewan Canselor UTeM.

## Pesta Buku dan Multimedia UTeM

Pesta Buku & Multimedia UTeM 2017 telah diadakan di Dewan Canselor UTeM pada 14 hingga 16 September 2017. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM.

Pesta buku ini merupakan anjuran pertama oleh Perpustakaan Laman Hikmah dan ianya menampilkan hasil yang positif selain ingin memupuk minat membaca di kalangan warga UTeM khususnya dan penduduk setempat amnya.

**PESTA BUKU & Multimedia**  
 "MERINTIS ILMU, Menguasai Dunia" UTeM  
 MASUK ADALAH PERCUMA

**14-16 September 2017 | Dewan Besar, UTeM**  
 9.00 pagi - 7.00 malam

**14 September 2017**

- 1000 PELANCARAN PESTA BUKU & MULTIMEDIA UTeM PELANCARAN BUKU PENYERAI UNIVERSITI UTeM PELANCARAN BUKU PENGEMBARAN & PUSAT STEK 10.30 pagi - 1.00 petang
- 1000 TEMA TARIK / PERMUNGKINAN RESPONDEK / TEMA BUKU MISTERI / PERLANGKAPAN SERTAMANA PUSK 1.00 petang - 1.30 petang
- 1000 PERFORMAN HADIR 4.30 petang - 5.30 petang

**16 September 2017**


- 1000 SEMINAR BUKU & MULTIMEDIA UTeM PUSK DUTAN W. DR. MOHD KHALIL BIN YAAKOB "Pustaka Ditik, Menguasai Potensi" 10.30 pagi - 12.00 petang
- 1000 CERAMAH SANTAL BERTEMA "SOSIAL DAN BANGUNAN & SOCIAL MEDIA" "Pustaka Ditik, Menguasai Potensi" 3.00 petang - 5.30 petang



## Pensijilan ISO 9001:2015 Perpustakaan Laman Hikmah UTeM

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah memperolehi Pensijilan MS ISO 9001:2008 mulai 12 Ogos 2011. Perpustakaan Laman Hikmah kini telah menaik taraf Pensijilan MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 dan telah disahkan dan diiktiraf oleh pihak SIRIM QAS dengan penganugerahan Pensijilan ISO 9001:2015 bermula 19 September 2017 sehingga 11 Ogos 2020. Usaha menaik taraf ini adalah selari dengan Standard ISO yang berfokuskan Prinsip Pengurusan Risiko.

Pengiktirafan itu sekaligus menjulang Perpustakaan Laman Hikmah sebagai PTj pertama di UTeM yang menerima Pensijilan MS ISO 9001:2015.



## Kumpulan Inovatif & Kreatif Polish Perpustakaan Laman Hikmah

Kumpulan POLISH telah ditubuhkan pada 18 November 2015 POLISH telah meraih anugerah Johan dan Persembahan Terbaik di Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat UTeM kali ke-3. POLISH turut mendapat Penarafan Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2017 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 24 dan 25 Julai 2017.

Pada 1 hingga 3 Ogos 2017, Kumpulan Inovatif & Kreatif Perpustakaan Laman Hikmah, POLISH telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Universiti Awam di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan mendapat penarafan Perak di konvensyen tersebut.

POLISH turut mendapat penarafan Emas Tiga Bintang di Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (INTEX) 2017 Anjuran MPC (Perbadanan Produktiviti Negara yang telah diadakan pada 14 hingga 16 November 2017 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting (GICC).

1



2



3



**Anugerah Persembahan Terbaik & Johan Kategori Pengurusan**  
 Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif  
 Peringkat Universiti Teknikal Malaysia, Melaka

1

**Penarafan Emas**

Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah 2017 di Putrajaya  
 International Convention Centre (PICC)  
 24-25 Julai 2017

2

**Penarafan Perak**

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif  
 Peringkat Universiti Awam di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
 1-3 Ogos 2017

3

**Penarafan Emas 3 Bintang**

Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (INTEX)  
 Anjuran MPC (Perbadanan Produktiviti Negara), di Genting  
 Highland

4

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

4



**International Innovation & Design in Library & Information Science Competition 2017 (InDeLib)**

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah menyertai InDeLib 2017 pada 13 September 2017 bertempat di Dewan Tun Abu Zahar, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur dan berjaya meraih Anugerah Perak bagi projek *Library Navigator* dalam Kategori Ciptaan (Kategori A: Organisasi). Perpustakaan Laman Hikmah terdiri daripada lima orang ahli yang diketuai oleh Nurul Akmar Mehat, Muhammed Rashid Mat Derus, Kamariah Kamis, Suzana Lazim dan Mohd Hannif Jamaludin.

Sebanyak 76 projek telah dipertandingkan yang mana ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu ciptaan, inovasi dan rekabentuk. Bagi kategori ciptaan, sebanyak 20 projek telah bertanding dan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah menerima anugerah Perak.



Antara kriteria penilaian adalah seperti berikut ketulenan (novelty and uniqueness), kreativiti (creative and innovative idea), praktikal (useful in solving problem), *thoroughness* (level of completeness of the project).

Selain itu, projek yang berjaya akan dipamerkan di dalam *Library Boulevard* semasa *World Library and Information Congress (WLIC) 2018* anjuran *International Federal of Library Association and Institutions (IFLA)*. Pertandingan ini merupakan penyertaan kali pertama oleh Perpustakaan Laman Hikmah.

## Peranan Perpustakaan Laman Hikmah Dalam Membantu Mempertingkatkan Penyelidikan di UTeM

Perpustakaan Laman Hikmah komited dalam menyokong kecemerlangan penyelidikan dan inovasi universiti seiring dengan tema Merintis Teknologi Hadapan. Pelbagai kursus dan bengkel dilaksanakan dengan menjemput pakar dalam bidang penerbitan di peringkat UTeM, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, Unit Bantuan Penyelidikan berperanan aktif dengan pihak fakulti, Centre of Excellent (CoE), Research Group (RG) dan UTeMASA dalam menyediakan maklumat dan perkongsian penerbitan berimpak.

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penceramah	Yuran	Peserta
1.	31/05/17	Research Series: Strategy to write research papers	Prof Madya Dr Zahriladha Zakaria (CeTRI)	Ya	50
2.	20/09/17	Guide to Getting Published	Mr. Alvin (Emerald)	Ya	7
3.	10/05/17	Research series: How to increase paper Citation & h-index	Prof Dr Burairah Hussin (C-ACT)	Ya	13
4.	1-2/11/17	Bengkel "Writing & Publishing In High Impact Journals"	Prof Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail (TNCPi, UTM)	Ya	28
5.	12/12/17	MCC's Talk: Managing and Measuring Scholarly Output	Prof Madya Dr Zuraidah Abdul Manaf (Pusat Sitasi Malaysia)	Tidak	51
6.	21/12/17	One day Research Series@Library	Prof Madya Dr Azma Putra (CARE) & Prof Madya Dr Noraiham Mohamad (AMC)	Ya	10
<b>JUMLAH</b>					<b>159</b>

**Jadual 1: Kursus/ Bengkel Penerbitan Berimpak Tinggi**

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Lokasi	Peserta
1)	25/01/17	SCOPUS session @ FPTT	SMARTLAB, Kampus Bandar	25
2)	01/02/17	Kursus Literasi Maklumat	Bilik Pangkalan Data	26
3)	08/02/17	Turnitin Training	Bilik Pangkalan Data	46
4)	22/02/17	Mendeley	Bilik Pangkalan Data	1
5)	23/02/17	Science Direct & Scopus Training	Bilik Pangkalan Data	58
6)	01/03/17	Emerald Training	Bilik Pangkalan Data	23
7)	22/03/17	Library Outreach @ FTMK	Makmal Eksekutif, FTMK	4
8)	29/03/17	IEEE Training	Bilik Pangkalan Data	15
9)	30/03/17	ASTM Training	Bilik Pangkalan Data	10
10)	24/05/17	EBSCO Resources Workshop	Bilik Pangkalan Data	8
11)	14/06/17	Library Outreach @ FKEKK	BK 17, FKEKK	38
12)	21/06/17	Library Outreach @ FKP	Auditorium PPS	25
13)	18/08/17	Library Outreach @ CeRIA	Bilik Mesyuarat FKE	24
<b>JUMLAH</b>				<b>303</b>

**Jadual 2: Aktiviti Perkongsian dan Penyebaran Maklumat**

## Pengiktirafan 5 Bintang Laman Sesawang PTj UTeM


Laman Sesawang Perpustakaan Laman Hikmah telah diiktiraf sebagai laman web PTj yang mendapat 5 bintang daripada UTeM dalam Mesyuarat Penyelaras Laman Web PTj Bil.2/2017 pada 28 Disember 2017.

Pembangunan laman web perpustakaan yang baharu memberi fokus kepada paparan yang lebih interaktif dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna. Portal perpustakaan baharu telah boleh diakses sepenuhnya pada 5 Disember 2016 di laman sesawang <http://library.utm.edu.my>.

Pada tahun 2017, Portal Perpustakaan Laman Hikmah telah dilaksanakan penambahbaikan portal secara berterusan, menaiktaraf versi Joomla! 3.6.5 dari 3.5.1 dan memenuhi penilaian kriteria Laman Web PTj yang dikeluarkan oleh PPPK.



Laman Web Lama



Laman Web Baru

## Buskers@UTeM

Penganjuran Buskers@UTeM mencipta sejarah apabila buat kali pertama ia diadakan di dataran Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk UTeM pada 27 Oktober 2017. Kumpulan penggerak Buskers@UTeM turut mengadakan kutipan amal daripada penonton bagi membantu pelajar-pelajar UTeM yang kurang bernasib baik. Sejumlah sumbangan terkumpul telah diserahkan oleh Khairul Azmi Saad, vokalis Caliph Buskers kepada YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor UTeM. Sehingga kini, Buskers@UTeM telah dianjurkan sebanyak 6 kali dengan penglibatan persembahan daripada pelajar-pelajar UTeM dan pihak luar.



## Majlis Sumbangan Bahan *Keep A Book Alive*

Majlis Sumbangan Bahan *Keep a Book Alive* telah diadakan pada 22 November 2017 bertempat di Ruang Aras Satu Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk. Tujuan utama adalah bagi menunjukkan pergerakan sosial warga UTeM sebagai pengguna yang peka, berinisiatif dan prihatin tentang peranan penting mereka kepada Perpustakaan Laman Hikmah dan memperkasa budaya menyumbang bahan kepada Perpustakaan Laman Hikmah sebagai usaha kecil berimpak besar.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Ts. Dr. Sharin bin Sahib di samping majlis ini turut meraikan tetamu khas iaitu Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain bagi menghargai sumbangan beliau menyumbangkan bahan terbanyak bagi tahun 2017 serta simbolik sokongan kepada Kempen 'Keep Book Alive' Perpustakaan Laman Hikmah UTeM. Jumlah bahan yang di sumbangkan oleh beliau adalah sebanyak 227 judul dengan anggaran nilai RM50,000.00







UTeM

اوتيمرسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# 11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur Ict

## Perlaksanaan WiFi Eduroam di UTeM

*Education Roaming* atau lebih dikenali sebagai Eduroam ialah akses perantaraan servis yang selamat digunakan di seluruh dunia untuk penyelidikan antarabangsa dan komuniti pendidikan.

Eduroam membenarkan penyelidik dan staf daripada institusi-institusi yang terlibat untuk menerima sambungan Internet di seluruh kampus dan apabila melawat institusi-institusi terlibat hanya dengan membuka komputer riba dan telefon pintar mereka.

Semua kakitangan UTeM yang telah didaftarkan sebagai pengguna rangkaian setempat yang sah boleh menggunakan servis capaian rangkaian tanpa wayar Eduroam ini di mana-mana institusi lain seluruh dunia yang berhubung dengannya. Mereka hanya perlu memasukkan maklumat no\_staf@utem.edu.my dan kata laluan ke rangkaian setempat semasa membuat login ke perkhidmatan WiFi Eduroam, dan secara automatik mereka boleh menggunakan perkhidmatan internet yang disediakan di institusi-institusi tersebut.



## Pengemaskinian Perkhidmatan Telefon UTeM

Bagi menjayakan hasrat universiti untuk merealisasikan langkah penjimatan dan pengurusan sumber yang lebih berkesan maka pada tahun 2017, telah dilaksanakan pengurusan talian komunikasi secara berpusat dan menyelaraskan semula kemudahan talian telefon termasuk talian telefon tetap dan talian telefon mudah alih di seluruh UTeM. Berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat, berikut merupakan isu-isu yang dilihat memerlukan perhatian:




Antara langkah yang telah diambil adalah :

- A. Pemutihan Akaun Centrex bagi Kampus Teknologi dan Kampus Bandar.
- B. Kerjasama dengan pihak Celcom bagi perbelanjaan berhemah talian mudah alih Pegawai Kanan dan Pemandu Kenderaan UTeM.

### A. Pemutihan Akaun Centrex Kampus Teknologi dan Kampus Bandar

Kajian dan semakan semula jumlah talian dan keperluan di kedua-dua kampus telah dijalankan dengan teliti bagi melakukan pemutihan semula akaun Centrex di Kampus Teknologi dan Kampus Bandar. Dua aktiviti utama yang telah dijalankan adalah dengan menamatkan langganan sebanyak 239 talian Centrex disebabkan tiada pengguna. Berdasarkan kepada kos sewaan yang dibuat sebelum ini, program ini telah memberikan penjimatan sebanyak RM6,333.50.

Yang kedua pula adalah menyelaraskan had panggilan yang mana hanya Ketua Pusat Tanggungjawab, Setiausaha Pejabat dan Pegawai yang diberi kelulusan sahaja yang diberikan talian kategori A1 (Panggilan tempatan dan



Rajah 11: Jumlah Talian Centrex 2016 dan 2017

## B. Kerjasama dengan pihak Celcom bagi Perbelanjaan Berhemah Talian Mudah Alih Pegawai Kanan dan Pemandu Kenderaan UTeM

Dalam mengimbangi keperluan tugas dan penjimatan, maka beberapa kajian dan perbincangan dengan pihak pembekal perkhidmatan mudah alih telah dibuat pada tahun 2017 untuk mendapatkan pakej yang terbaik kepada olistica. Hasil daripada pertemuan tersebut, pihak Celcom telah bersetuju untuk menyediakan pakej khas untuk pelanggan Celcom di UTeM, akses ke utem.edu.my tidak akan melibatkan penggunaan data bagi pelanggan Celcom yang melanggan menggunakan pakej olistica, pakej Khas buat Pegawai Kanan UTeM yang layak serta pakej khas beserta telefon bimbit Samsung Galaxy J1 Mini Prime untuk kegunaan pemandu.



FIRST Gold Business	
Plan	FIRST Gold Business
Weekday Internet	10GB 4GLTE Speed
Free Weekend Internet	10GB 4GLTE Speed
Complementary WiFiPlus	Unlimited
Calls	<b>Unlimited Call to All Network</b>
SMS	20sen/SMS to All Networks
<b>Messaging Apps:</b> • Whatsapp • WeChat	<b>FREE Unlimited</b>
Monthly Commitment	<b>RM80</b>

Package	FIRST™ Blue for Business With Biz Circle RM10 Waived
Monthly Commitment	<b>RM 45</b>
Monthly Internet	<b>4GB</b> 2GB weekday internet + 2GB weekend internet
Calls	<b>50 mins to All Networks</b>
SMS	<b>50 SMS to All Networks</b>
Additional Calls / SMS	20 sen / min / SMS to ALL Networks
Messaging Apps	<b>UNLIMITED</b> Whatsapp & WeChat
Calls within company	<b>FREE 50 hours</b>
Contract	24 months



## Penyediaan Perkhidmatan *Platform As A Service (PaaS)* Kepada Komuniti Luar

Penyediaan Perkhidmatan *Platform As a Service (PaaS)* adalah antara perkhidmatan yang disediakan oleh UteM kepada komuniti luar.

Tujuan perkhidmatan ini disediakan adalah bukan sahaja untuk mempromosikan kepakaran UteM tetapi juga merupakan salah satu strategi untuk menjana pendapatan UteM dengan membenarkan penggunaan sumber UteM kepada komuniti luar secara berbayar berdasarkan syarat serta kadar yang telah ditetapkan.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah *Server Co-location* iaitu perkhidmatan penempatan server sesebuah organisasi secara berpusat di Pusat Data UteM yang menawarkan perkhidmatan *availability, reliability, accessibility, backup* serta rangkaian sebagai solusi kepada Pelan Pemulihan Bencana organisasi itu di samping Perkhidmatan *web-hosting* dan *virtual server-hosting* bagi sesebuah organisasi dimana UTeM dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan agar perkhidmatan yang disediakan adalah dalam keadaan yang terbaik, pelanggan perkhidmatan juga ditawarkan dengan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) tahap ketersediaan dan kebolehcapaian sebanyak 99% sepanjang tahun.

Berikut adalah antara senarai organisasi dan laman web yang menggunakan perkhidmatan ini sepanjang tahun 2017.


### Co-location

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya – [www.mphtj.gov.my](http://www.mphtj.gov.my)



## Web-Hosting

i) Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka – [www.mddnm.my](http://www.mddnm.my)



ii) Persatuan Golf Negeri Melaka – [www.pgnm.com.my](http://www.pgnm.com.my)



iii) Malaysia Board Of Technologists - [www.mbot.org.my](http://www.mbot.org.my)



Jawatankuasa Latihan Universiti-Universiti Malaysia – [jaluma.utem.edu.my](http://jaluma.utem.edu.my)






## Asrama Satria

Bangunan Asrama Satria yang dibina secara inisiatif pembiayaan swasta (PFI) oleh Syarikat Naluri Etika Sdn Bhd di dalam Kampus Induk UTeM adalah bertujuan untuk menggantikan kolej-kolej kediaman luar. Keseluruhan asrama ini boleh menempatkan seramai 5000 orang pelajar pada satu-satu masa.

Fasa seterusnya adalah untuk mengaktifkan talian Internet yang dipindahkan dari kolej-kolej kediaman luar sebanyak 500Mbps ke Kampus Induk dan digabungkan dengan laluan akses ke Myren untuk kegunaan para pelajar di Asrama Satria.

Setiap bilik asrama dibekalkan dengan satu *Access Point* dan setiap pelajar dibenarkan untuk mengakses rangkaian tanpa wayar UteM dengan maksimum 2 peralatan dalam satu masa dengan jalur lebar maksimum sebanyak 2Mbps seorang.

Lakaran Rangkaian Di Asrama Satria



## Modul Pelan Pelaksanaan Individu (IDP)

Pelan Pelaksanaan *Individual Development Plan* (IDP) merupakan pelan yang dibangunkan untuk memudahkan pengurusan UteM khususnya di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar. Modul IDP ini dibangunkan bermula dengan proses pendaftaran bilangan IDP, olistic IDP, kaedah penilaian, panel dan pendaftaran calon IDP.

ID	Nama	Phone	Email	Status	Other Columns
1	9028	9028	9028	9028	...
2	9029	9029	9029	9029	...
3	9030	9030	9030	9030	...
4	9031	9031	9031	9031	...
5	9032	9032	9032	9032	...
6	9033	9033	9033	9033	...
7	9034	9034	9034	9034	...
8	9035	9035	9035	9035	...
9	9036	9036	9036	9036	...
10	9037	9037	9037	9037	...
11	9038	9038	9038	9038	...
12	9039	9039	9039	9039	...
13	9040	9040	9040	9040	...
14	9041	9041	9041	9041	...
15	9042	9042	9042	9042	...
16	9043	9043	9043	9043	...
17	9044	9044	9044	9044	...
18	9045	9045	9045	9045	...
19	9046	9046	9046	9046	...
20	9047	9047	9047	9047	...



**UteM**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PROFILE PELAN PEMBANGUNAN INDIVIDU BIL.1/2017**

NAMA: [REDACTED]  
NO PEKERJA: [REDACTED]  
PTJ: [REDACTED]  
JAWATAN: [REDACTED]

KOMPETENSI

KOMPETENSI PPI UTEM	SKOR	ULASAN	PERATUS
K1 Kesetiaan Emosi dan Berdaya Tahan	5	Individu yang sentiasa positif dan apati perilaku dan pemikiran. Individu ini juga cemerlang dan apati kesetiaan emosi. Mampu mengatasi emosi dengan cemerlang. Mampu berfikir dan bertindak secara sangat rasional dalam semua situasi dan tahap tekanan. Mampu bertahan dengan cemerlang dari segala tekanan dan pergumulan.	[REDACTED]
K2 Kecekapan Membuat Keputusan	5	Berkecekapan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam membuat keputusan, dengan cemerlang.	[REDACTED]
K4 Berkecekapan Gubah Berorientasikan Impak	5	Berkecekapan membandingkan contoh2 kedudukan dan senario masa depan. Berkecekapan merencanakan kedudukan masa hadapan bagi mencapai matlamat organisasi.	[REDACTED]
K6 Penangan Transformasi Berorientasikan Risiko	5	Sangat mahir merumuskan kecekapan (PENGELOLA) yang asas dalam menerima tugas yang lebih besar/lebih bagi membuat perubahan ke atas trinalan transformasi yang berorientasikan risiko	[REDACTED]
K7 Komunikasi Strategik	4	Berkecekapan menentukan model dan elemen-elemen dalam proses komunikasi secara jelas, mengenal pasti	[REDACTED]
K9 Kreatif & Inovatif	5	Sangat berkecekapan merancang dan melaksanakan tugas dengan teliti dan berkesan melalui kecekapan/pendekatan/teknik kerja yang kreatif dan inovatif berimpak tinggi	[REDACTED]
K10 Pementangan Individu	5	Berkecekapan yang baik dan sentiasa proaktif di samping mengamalkan amalan jujur dalam tugas dan hantaran serta meneliti sendiri kece	[REDACTED]

MARKAH KESELURUHAN: [REDACTED] KATEGORI BAKAT: FAST TRACK

Fast Track > 85 %    Prospect 80 - 84 %    Normal Track 70 - 79 %    Development Track 0 - 69 %

Disahkan Oleh :-

Y. BNG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN  
NAIB CANSelor  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Modul Bajet Perjawatan

Modul Bajet Perjawatan dibangunkan khusus dalam membantu pihak pentadbiran menyimpan dan menyelenggara maklumat waran perjawatan berdasarkan surat kelulusan perjawatan yang diperolehi. Modul ini menyediakan kemudahan mengeluarkan dan perincian maklumat bilangan staf mengikut kategori taraf.

**Ringkasan Perjawatan Keseluruhan**

Carian Bulanan: 122017    Papar    Simpan    Export (Klik Export, Paste dalam Excel)

KATEGORI	Yatap	BILANGAN PERSEORANGAN MENGIKUT STATUS	Jumlah	Perjawatan (Kategori)
		Kontrak	Umum	
PENGURUSAN UTAMA	0	0	0	[...]
AKADEMIK	0	0	0	[...]
PENTADBIRAN (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)	0	0	0	[...]
PENTADBIRAN (PELAKSANA)	0	0	0	[...]


## Integrated Cummulative Grade Point Average (iCGPA)

Modul Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) di UTeM telah mula dilaksanakan bermula kohort 1-2017/2018 bagi semua kursus yang ditawarkan. Pelaksanaan dan pengoperasiannya sentiasa dipantau dari semasa ke semasa agar keperluannya sentiasa relevan dengan kehendak semasa.

Modul ini dibangunkan seiring dengan seruan dan keperluan daripada pihak KPT dalam usaha menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang. Pelajar dinilai melalui 8 elemen MQF Domain yang telah dipetakan berdasarkan *Programme Outcome (PO)* dan *Learning Outcome (LO)* yang ditetapkan oleh fakulti mengikut program dan kursus yang diambil oleh pelajar. 8 elemen MQF Domain pelajar dapat dinilai berdasarkan keputusan iCGPA yang dilaporkan dalam bentuk *spider web*.

Name : MUHAMAD MUZAKKIR BIN SANJUDIN Program : BEKG  
 Matrix No : B011610005 Session : 1.2016/2017

No	Code	Course	Cr	MGF Learning Outcome Domain								
				1	2	3	4	5	6	7	8	
1	BEKR2331	ELECTRICAL ENGINEERING LABORATORY	1	0	2.84	0	0	3.2	0	0	0	0
2	BITG1233	COMPUTER PROGRAMMING	3	2.88	3.12	0	0	0	0	0	0	0
3	BKKG1761	KOMPANG	1	0	0	0	3.4	0	0	0	0	0
4	BLHL1612	KOREAN LANGUAGE	2	0	3.68	0	0	3.68	3.64	4	0	0
5	BLHW2403	TECHNICAL ENGLISH	3	0	3.08	0	3.2	3.08	3.08	3.08	0	0
6	BMFG1113	ENGINEERING MATHEMATICS	3	2.48	0	0	0	0	0	0	0	0
7	BMFG1213	ENGINEERING MATERIALS	3	2.84	0	0	0	0	0	0	0	0
		<b>IGPA</b>		2.68	3.22	0	3.3	3.31	3.29	3.19	0	0
		<b>IGBPA</b>		2.68	3.22	0	3.3	3.31	3.29	3.19	0	0




## Integrated Programme Outcome (iPO)

Modul Integrated Programme Outcome (iPO) dibangunkan berdasarkan keperluan OBE bagi kursus untuk dipetakan dengan Programme Outcome (PO) yang telah ditetapkan oleh fakulti. Terdapat 12 elemen PO pelajar dapat dinilai berdasarkan keputusan iPO yang dilaporkan dalam bentuk bar graf.

Modul iPO adalah suatu bentuk pelaporan berdasarkan PO fakulti. Butiran ringkas pelaporan bersepadu adalah seperti melaporkan pencapaian setiap hasil program secara berasingan, laporan terperinci iPO bagi setiap pelajar dalam bentuk bar graf dan setiap pemegang taruh dapat menggunakan laporan terperinci tersebut untuk tujuan saringan dan penambahbaikan.

Name : MUHAMAD MUZAKKIR BIN SANJUDIN Program : BEKG  
 Matrix No : B011610005 Session : 1.2016/2017

No	Code	Course	Cr	MGF Learning Outcome Domain											
				1	2	3	4	5	6	7	8				
1	BEKR2331	ELECTRICAL ENGINEERING LABORATORY	1	0	2.84	0	0	3.2	0	0	0	0	0		
2	BITG1233	COMPUTER PROGRAMMING	3	2.88	3.12	0	0	0	0	0	0	0	0		
3	BKKG1761	KOMPANG	1	0	0	0	3.4	0	0	0	0	0	0		
4	BLHL1612	KOREAN LANGUAGE	2	0	3.68	0	0	3.68	3.64	4	0	0	0		
5	BLHW2403	TECHNICAL ENGLISH	3	0	3.08	0	3.2	3.08	3.08	3.08	0	0	0		
6	BMFG1113	ENGINEERING MATHEMATICS	3	2.48	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
7	BMFG1213	ENGINEERING MATERIALS	3	2.84	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
		<b>IGPA</b>		2.68	3.22	0	3.3	3.31	3.29	3.19	0	0	0		
		<b>IGBPA</b>		2.68	3.22	0	3.3	3.31	3.29	3.19	0	0	0		



## Sistem Alumni

Sistem Alumni telah dilaksanakan bermula November 2017 dan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) merupakan pemilik kepada Sistem Alumni ini. Sistem ini boleh diakses oleh Alumni UTeM, orang awam, pentadbir (PJIM) dan pentadbir fakulti. Pelajar yang telah bergelar alumni UteM boleh mengemaskini maklumat peribadi, maklumat pengajian dan maklumat pekerjaan di dalam ini.




## Pemantauan Penyelidikan

Modul ini memberi kemudahan kepada penyelidik untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan dan laporan akhir penyelidikan ke atas geran dalaman secara atas talian. Modul ini memudahkan penyelidik memandangkan kebanyakan maklumat diambil terus dari tanpa perlu dikemaskini. Maklumat penggunaan kewangan diambil secara terus dari Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) manakala maklumat pembangunan modul insan diambil dari Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan Sistem Maklumat Pasca Siswazah (SMPS).

Modul ini terdiri daripada 6 sub modul iaitu:

Bil	Sub Modul	Penerangan	Tindakan
1.	Project Monitoring (CRIM)	Penghantaran email kepada ketua penyelidik dan semakan status penghantaran laporan.	Pentadbir CRIM
2.	Project Monitoring	Paparan Status Penghantaran Laporan Kemajuan/Laporan Akhir Penyelidikan	Penyelidik / Pentadbir CRIM
3.	Project Progress Report	Permohonan Penghantaran Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan	Penyelidik
4.	Project Final Report	Permohonan Penghantaran Laporan Akhir Projek Penyelidikan	Penyelidik
5.	Review by CRIM	Pengesahan Permohonan oleh Pentadbir CRIM	Pentadbir CRIM
6.	Approval by CRIM	Kelulusan permohonan yang telah disahkan oleh CRIM.	Pentadbir CRIM

No	Project ID	Primary Investigator	Start Date	End Date	Category	Status	Progress	Final Report
1	PJP/2016/PPH/1501460	MURFACIY B IN ABUL HAMID	01/03/2016	31/08/2017		17	21/09/2016	01/03/2017
2	PJP/2016/PPH/0501463	MOHD ASYAD AZAM BIN MOHD ABD	01/03/2016	31/08/2017		17	21/09/2016	01/03/2017



**PROJECT PROGRESS REPORT**

Project Title: **HYBRID AUTHENTICATION MODEL FOR SECURED WIRELESS BODY AREA NETWORK (WBAN) IN HEALTH MONITORING SYSTEM**

Project No: **ERGS2011/FTMK/PK02/1/E00002**

Date of Report: **04/08/2017 08:43:15**

No. of Report Submitted: **1**

**ACKNOWLEDGEMENT**

No	Project Title	Date of Acknowledgement	By
1	HYBRID AUTHENTICATION MODEL FOR SECURED WIRELESS BODY AREA NETWORK (WBAN) IN HEALTH MONITORING SYSTEM	04/08/2017	MURFACIY B IN ABUL HAMID

**RESEARCH PROGRESS**

No	Project Title	Date of Progress Report	By
1	HYBRID AUTHENTICATION MODEL FOR SECURED WIRELESS BODY AREA NETWORK (WBAN) IN HEALTH MONITORING SYSTEM	21/09/2016	MURFACIY B IN ABUL HAMID





## Modul BEM

Lembaga Jurutera Malaysia atau Board of Engineer Malaysia (BEM) telah menyediakan proses pendaftaran keahlian secara berkelompok (e-Bulk) bagi Jurutera Siswazah (*Graduate Engineer*) dan Teknologis Kejuruteraan (*Engineering Technologist*) kepada graduan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan.

Bagi memenuhi keperluan ini Sistem Maklumat Pelajar telah ditambahbaik bagi memudahkan pengumpulan data dan dokumen pelajar bagi semua pelajar fakulti kejuruteraan. Pengguna utama yang menggunakan modul ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu pelajar, pentadbir di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan pentadbir fakulti. Proses-proses yang dibangunkan secara bersistem adalah seperti jadual berikut:-

Bil	Kategori	Keterangan
1.	Pelajar	Memuatnaik Holistik Kad Pengenalan. Sistem membuat kawalan di mana sekiranya pelajar tidak memuatnaik Holistik Kad Pengenalan, paparan keputusan peperiksaan tidak akan dipaparkan.
2.	Pentadbir BPA	Memuatnaik transkrip penuh yang disahkan oleh Senat.
3.	Pentadbir Fakulti	Membuat semakan dan pengesahan ke atas dokumen dan memuat turun dokumen tersebut untuk dihantar kepada BEM

Dengan pelaksanaan modul ini, telah membantu semua pihak khususnya pengurusan fakulti dalam mempercepatkan dan melancarkan proses pendaftaran keahlian sebagai Jurutera Siswazah (*Graduate Engineer*) dan Teknologis Kejuruteraan (*Engineering Technologist*) kepada bakal graduan kejuruteraan di UTeM.




## Panduan Proses Sistem Maklumat Universiti (SMU) Secara Atas Talian

Inisiatif ini dibangunkan dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan SMU. Bagi tahun 2017, panduan proses SMU yang telah disediakan secara atas talian adalah :-


1. University Research information System (URIS)
2. Sistem Maklumat Pelajar (SMP)

Objektif utama adalah untuk memberi panduan kepada semua pengguna portal SMU berkenaan dengan proses-proses yang telah dibangunkan secara atas talian. Dalam panduan ini diterangkan proses-proses utama dan langkah-langkah yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh setiap pengguna.



## Pembangunan eBook, Aplikasi *Mobile Android* dan *iOS* Konvokesyen UTeM ke-13

Pada Majlis Konvokesyen 2017, buku konvokesyen telah disediakan secara e-buku melalui penggunaan *Portable Document Format* (format pdf). E-buku konvokesyen pada kali ini hadir lengkap dengan gambar para graduan berserta nama dan QR Code untuk rujukan. Aplikasi mobile konvokesyen UTeM ke 13 dengan nama Convo13@UTeM turut dibangunkan bagi pengguna android dan juga iOS yang boleh dicapai melalui laman web rasmi konvokesyen, *Google Play Store* dan *Apple App Store*.




## Dashboard

Dashboard pelaporan pengurusan maklumat telah dibangunkan hasil usaha semua pihak. Data-data yang ada dikumpulkan dan dipersembahkan berdasarkan keperluan pengurusan tertinggi bagi tujuan pengurusan.

Dashboard boleh mengumpulkan maklumat berkaitan dengan cuti staf, staf, cara perbelanjaan dan pelbagai lagi malah dashboard boleh menunjukkan perbelanjaan yang telah dilakukan bagi setiap PTJ bagi tujuan penyediaan budget tahunan.

Berikut adalah contoh paparan dashboard yang telah dibangunkan.





UTeM

اونيورسيتي تېكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA







UTeM

اوتيمرسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


# 12.0 **Kecemerlangan Mahasiswa & Pemeriksaan Holistik**

## Kecemerlangan Mahasiswa

Sepanjang tahun sehingga Disember 2017 Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan sebanyak 345 buah program atau aktiviti pelajar daripada pelbagai kelab, persatuan, badan beruniform dan anjuran luar yang merangkumi 6 Aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta nasional.

Penglibatan seramai 58,924 orang pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan, kelab dan badan beruniform yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak holistic) atau komuniti setempat.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum dan boleh bersaing serta menempatkan diri diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.



**Rajah 12: Pecahan Aktiviti – Aktiviti Yang Dijalankan Mengikut Kategori**

**Kemudahan / Perkhidmatan Yang Disediakan**

## Penempatan Semula Penginapan Pelajar

Kolej Kediaman untuk 5000 pelajar (Kolej Kediaman Satria) yang dibina dengan konsep PFI dalam Kampus Induk telah siap dibina dan telah diduduki pada sesi 2017/2018. Proses perpindahan penginapan pelajar dari kolej kediaman sedia ada (bangunan yang disewa) ke Kolej Kediaman Satria berlangsung dalam 2 fasa yang mana Fasa 1 pada 27/9/2017 hingga 8/10/2017 manakala Fasa 2 pula pada 22/10/2017 hingga 27/10/2017 justeru itu pada semester 1 Sesi 2017/2018 seramai 3679 orang pelajar telah di tempatkan di kolej kediaman tersebut.

## Pusat Kesihatan

Bagi memastikan tahap kesihatan berada pada tahap yang memuaskan supaya para pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengajian dengan lebih efektif dan cemerlang maka pada tahun 2017 Pusat Kesihatan beroperasi dengan tenaga kerja yang mencukupi iaitu 4 orang Pegawai Perubatan, 1 orang Pegawai Pergigian, 3 orang Penolong Pegawai Perubatan, 4 orang Jururawat, 3 orang Penolong Pegawai Farmasi dan 8 orang staf membantu operasi pusat kesihatan ini.

Perkhidmatan rawatan pergigian juga disediakan dengan kelengkapan yang mencukupi bagi pelajar dan staf untuk mendapatkan rawatan.



# UTeM

## Pusat Sukan

Pelbagai aktiviti berkaitan sukan telah dijalankan sepanjang tahun 2017 berikutan prasarana yang mencukupi untuk pelajar-pelajar untuk membuat latihan sukan bagi menghadapi pelbagai acara sukan yang berprestij seperti SUKIPT, Sukan SEA serta ke peringkat antarabangsa.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Pertambahan Aktiviti Pelajar Industri Dan Komuniti

Pelaksanaan program kerjasama pelajar-industri-komuniti di sekitar Melaka sebanyak 37 program sepanjang tahun 2017 dengan jumlah penyertaan pelajar seramai 7,042 orang.

### Program Utama

*Career Fair* anjuran MPP telah berlangsung pada 7 hingga 8 Mac 2017 bertempat di Dewan Canselor UTeM. Program ini telah disertai oleh 40 buah syarikat dan dihadiri oleh 4000 orang pelajar. Seterusnya program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid.



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

### Program Khidmat Komuniti Karimun di Kepulauan Riau (25 – 27 Ogos 2017)

Aktiviti yang dijalankan adalah pemeriksaan kesihatan dan berkhitan dan melibatkan peserta seramai 286 orang penduduk setempat, fakir miskin dan anak-anak yatim. Manakala 44 orang kanak-kanak terlibat dengan berkhitan di 2 tempat berasingan iaitu Pulau Karimun dan Pulau Kundur.





## Sambutan Hari Malaysia, 6 September 2017

Program ini telah diadakan di Dewan Canselor UTeM yang telah mendapat sambutan meriah daripada kalangan 3500 orang dalam kalangan pelajar dan kakitangan dan majlis ini turut dihadiri oleh wakil Kementerian Pendidikan Tinggi.



## Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Negeri Melaka 2017

Pada 28 Oktober 2017 seramai 450 orang pelajar terlibat dalam menjayakan program ini yang terdiri dari kalangan pelajar UTeM, Kolej Profesional MARA Melaka, Institut Latihan Industri (ILP) Selandar & Melaka, IKM Jasin serta UiTM Melaka Kampus Jasin. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Melaka, Datuk Dr. Ghazali Othman.



## Program NBOS 2017

## Program Keselamatan Jalan

Program Keselamatan Jalan Raya (IM4U Trafik) dan Pencegahan Jenayah anjuran bersama Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, JSPT Melaka dan UTeM pada 11 November 2017 bertempat di Dewan Sukan UTeM telah dihadiri seramai 600 orang pelajar.




## Malaysia United Run

*Malaysia United Run (MUR) 2017* telah pada 18 November 2017 yang mana kontinjen terbesar adalah dari negeri Melaka dengan penyertaan seramai 1,053 orang pelajar.



## Projek Mural sempena Hari Sukarelawan Sedunia 2017

Sebanyak 20 mural di empat (4) buah sekolah sekitar Melaka telah dihasilkan mulai 2 November hingga 12 November 2017 dengan penglibatan 147 sukarelawan dari kalangan pelajar UTeM. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang, Sekolah Kebangsaan Jalan Dato' Palembang, Sekolah Kebangsaan Bandar Hilir, Sekolah Kebangsaan Perempuan Durian Daun.



## Penyertaan Program *Gen-Y Green The City Melaka 2017*

Program *Gen-Y Green The City Melaka 2017* di Klebang Melaka pada 26 November 2017 telah melibatkan seramai 380 mahasiswa UTeM menyertai konvoi permotoran ini manakala selebihnya seramai 3,000 orang pelajar menaiki bas.



## IEM-Engineering Week 2017

*IEM-Engineering Week 2017* anjuran IEM-UTeM Student Section pada 16 Disember 2017 telah disertai oleh pelajar daripada USM, UTM, UTHM, UMP, MMU, *Manipal International University* (MIU), IEM Young Engineers Section (YES) KL dan Melaka.



## eRezeki Bootcamp

*eRezeki Bootcamp* telah diadakan pada 16 Disember 2017 bertempat di Dewan Sukan UTeM anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama pihak eRezeki MDEC dan eRezeki Johor disertai seramai 2,000 orang pelajar.



## Pencetusan Bakat Kepemimpinan Di Kalangan Pelajar

Melahirkan pemimpin mahasiswa di kalangan pelajar serta dapat menyumbang bakti kepada masyarakat dan pemimpin tempatan. Seramai dua puluh orang pelajar telah terlibat secara langsung dengan pemimpin tempatan di sekitar Melaka.





## Pencapaian Sukan Pelajar di Peringkat Antarabangsa

Bil	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
1.	Anis Amira Binti Basri	Petanque	Malaysia	SEA Games Kuala Lumpur 2017	19 – 31 Ogos 2017	Gangsa
2.	Lukman Arif Bin Mohd Kamal	Rowing	PST Rowing Malaysia	Kejohanan Rowing Open Harbin China 2017	28 Julai – 1 Ogos 2017	Tempat Ke 4
3.	Mohamad Taufiq Bin Md Osman Ani	Rowing	PST Rowing Malaysia	Kejohanan Rowing Open Harbin China 2017	28 Julai – 1 Ogos 2017	Tempat Ke 4
4.	Rachel Lee Kei En	Rowing	PST Rowing Malaysia	Kejohanan Asian Rowing Championship, Patayya Thailand 2017	2 – 9 September 2017	Peringkat Akhir
5.	Nur Hushina Najeah Binti Husshini	Rowing	PST Rowing Malaysia	Kejohanan Asian Rowing Championship, Patayya Thailand 2017	2 – 9 September 2017	Peringkat Akhir


## Penganjuran Sukan Di Peringkat Antarabangsa

Bil	Program	Tarikh	Tempat	Pencapaian
1.	Varsity Table Tennis Championship 2017	24 – 29 April 2017	Dewan Sukan UTeM	Penyertaan 400 peserta (Penyertaan teramai di Malaysia)
2.	Varsity Cycling Challenge 2017	28 – 29 Oktober 2017	UTeM	Penyertaan 574 peserta <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia : 555 org</li> <li>• Brunei : 6 org</li> <li>• Filipina : 1 org</li> <li>• Singapura : 12 org</li> </ul>





IDEA



13.0 **Pengurusan  
Bakat**



## Statistik Staf

Sehingga 31 Disember 2017 jumlah waran yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah sebanyak 2,064 jawatan merangkumi 4 jawatan Pengurusan Utama, 936 jawatan Akademik, 188 jawatan Pentadbiran bagi Pengurusan & Profesional manakala selebihnya 937 jawatan Pentadbiran kategori Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,080 jawatan telah diisi secara tetap, kontrak dan sementara.

Jadual di bawah menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2017:

### Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2017

Kumpulan	Bil. Waran	Bilangan Pengisian Mengikut Status		Isi	Baki
		Tetap	Kontrak		
Pengurusan Utama	4	4	0	4	0
Akademik	936	857	21	878	79
Pengurusan & Profesional	188	184	31	215	4
Pelaksana	937	883	100	983	54
<b>JUMLAH</b>	<b>2065</b>	<b>1928</b>	<b>152</b>	<b>2080</b>	<b>137</b>

### Pengisian Jawatan Staf Aktif Akademik Universiti

Jawatan	Gred	Jumlah Keseluruhan
Profesor Gred Khas A	VK5	5
Profesor Gred Khas B	VK6	5
Profesor Gred Khas C	VK7	21
Profesor Madya	DS54	75
Profesor Madya	DS53	8
Pensyarah Kanan	DS52	316
Pensyarah Kanan	DS51	46
Pensyarah	DS45	338
<b>Jumlah</b>		<b>814</b>

## Staf Akademik

Seramai 375 orang pensyarah yang berkhidmat di universiti adalah berkelayakan PhD menjadikan peratus pensyarah berkelayakan PhD meningkat daripada 40.96% pada tahun 2016 kepada 46.07% pada tahun 2017. Peningkatan ini hasil daripada pelantikan staf baru yang mempunyai kelayakan PhD juga sedia ada melalui peningkatan taraf kelulusan akademik (di bawah Skim Cuti Belajar). Jadual di bawah menunjukkan pecahan pensyarah berkelayakan PhD di universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

### Peratus Pensyarah Berkelayakan PhD Tahun 2017

Bilangan Pengisian Semasa								
Pensyarah Dengan Phd (Tidak Termasuk Kontrak)	Pensyarah Kontrak Dengan Phd		Pensyarah Dengan Sarjana Kepakaran Atau Setaraf	Pensyarah Kontrak Tanpa Phd	Pensyarah Tanpa Phd	Jumlah Pengisian	Peratus Phd atau Setaraf	
a	Warganegara	Bukan Warganegara	c	d	e	f = a+b+c+d+e	g = a+b+c/f*100	
360	3	12	15	0	6	433	814	46.07

## Pensijilan MS ISO 9001:2015 Bagi Pejabat Pendaftar

Pejabat Pendaftar di bawah skop pengurusan dan pembangunan sumber manusia telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2015 pada tahun 2017. Audit Pensijilan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berdasarkan Keperluan ISO 9001:2015 telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 28 hingga 30 Ogos 2017. Pejabat Pendaftar telah dianugerahkan Pensijilan ISO 9001:2015 untuk tempoh 3 tahun bermula 6 Nov 2017 sehingga 5 Nov 2020.

## Pembangunan Sumber Manusia

### Neuro Linguistic Programming (NLP)

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD), Pejabat Pendaftar telah memberi fokus kepada pelaksanaan program Neuro Linguistic Programming (NLP) yang merangkumi tiga (3) kluster kecemerlangan seperti mana menjadi fokus dan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi iaitu kecemerlangan pelajar ijazah kelas pertama, kecemerlangan pemimpin komuniti dan JKKK, kecemerlangan usahawan kecil dan di peringkat UTeM penekanan kecemerlangan staf juga turut diberi penekanan.

## Kecemerlangan Pelajar Ijazah Pertama

Program ini telah dilaksanakan melalui pelaksanaan program Ikon Khalifah yang mana pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan peperiksaan yang amat baik akan dipilih.

Antara objektif program ini adalah membantu pelajar yang mempunyai pencapaian GPA 3.50 dan ke atas untuk memperoleh keputusan ijazah kelas pertama dengan pencapaian GPA 3.75 dan ke atas apabila menamatkan pengajian.

Program dilaksanakan selama 3 hari 2 malam dan pelajar akan dibimbing oleh *Certified NLP Coach*. Seramai 253 orang pelajar telah terlibat di dalam beberapa siri program Ikon Khalifah.

Antara impak yang dilihat adalah seperti pelajar menunjukkan peningkatan dari pencapaian akademik khususnya peningkatan CGPA serta pelajar dapat mengenalpasti kekuatan (domain) masing-masing melalui VAK dan dapat memperoleh kemahiran belajar yang lebih sesuai.

## Kecemerlangan Usahawan Kecil

Seramai 520 orang peserta yang terdiri daripada usahawan kecil di peringkat komuniti dan pelajar UTeM telah dilatih untuk berjaya dan meningkatkan lagi perniagaan mereka dengan menggunakan teknik NLP.

Di akhir sesi, peserta mendapat pengetahuan yang mendalam mengenai nilai-nilai keusahawanan di samping para peserta juga telah mendapat pendedahan yang luas tentang dunia keusahawanan sebenar.

## Program Pelan Pembangunan Individu

UTeM telah melaksanakan Pelan Pembangunan Individu (PPI) atau Individual Development Plan (IDP) pada 2017 sejajar dengan arus perdana pengajian tinggi yang memberi fokus kepada kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi. Pelaksanaan IDP UTeM merupakan kaedah yang sistematik dalam mengenalpasti, menilai dan membangunkan keupayaan staf bagi memenuhi keperluan organisasi.

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar selaku penganjur dan urus setia IDP UTeM telah melaksanakan program penilaian PPI / IDP Bil. 1 dan Bil.2 bagi Pentadbir Gred 41 pada tahun 2017. Melalui program penilaian tersebut peserta-peserta telah diuji melalui beberapa kaedah penilaian yang telah dikenalpasti seperti role-play, pembentangan, sistem maklumbalas 360', ujian, temubual, pemerhatian, tugasan port-folio dan coaching and mentoring merujuk kepada kompetensi-kompetensi yang telah ditetapkan.

Program Penilaian IDP merupakan program yang tepat dan berpadanan dalam membantu pengurusan universiti menyediakan calon berkelayakan bagi Program Pelan Penggantian, kemajuan kerjaya, pemilihan calon ke kursus-kursus strategik, cuti belajar, penglibatan luar / sangkutan dan mentor.

i-PRO atau Integrated Psychometric Profiling merupakan satu projek di bawah geran penyelidikan UTeM dalam kategori Top Down High Impact yang telah dibangunkan pada tahun 2017. Projek penyelidikan ini bertujuan untuk membina dan membangunkan satu ujian psikologi bersepadu secara bersistem dan atas talian. Projek penyelidikan ini telah 80 peratus dibangunkan dan kini berada dalam fasa akhir pembangunannya.



Sistem bersepadu ujian psikologi terdiri daripada tiga domain utama yang dibangunkan iaitu Domain Personaliti, Domain Kompetensi dan Domain Core Value. 15 sub domain juga dibangunkan di bawah domain-domain utama ini bertujuan bagi pengenalpastian dan data peribadi dari aspek ciri-ciri unik dan personaliti individu. i-PRO akan digunakan sebagai instrument utama dalam pengumpulan data psikologi staf dan pelajar UTeM.



## Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian Dasar Pemisah

UTeM merupakan antara universiti awam (UA) terawal dalam melaksanakan Dasar Pemisah serta melengkapkan keperluan Dasar Pemisah. Dasar Pemisah memerlukan penglibatan AKRAB Care (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam) yang ditauliah oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan UTeM merupakan UA kedua mendapat pentauliahkan AKRAB Care oleh JPA.

UTeM juga tersenarai antara 6 UA terawal ditauliahkan akreditasi bagi pengujian psikologi Indikator Perwatakan Unggul di bawah JPA yang diwakili oleh Pegawai Psikologi Pejabat Pendaftar. Indikator Perwatakan Unggul merupakan satu kriteria wajib dalam Dasar Pemisah. Selain itu, Pegawai Psikologi Pejabat Pendaftar UTeM juga tersenarai antara 30 Pegawai Psikologi UA terawal ditauliah sebagai *Trainer PSYNNOVA i-BMT (Psychological Innovation Integrated Behavior Modification Therapy)*. Bagi pelaksanaan Dasar Pemisah 2017 untuk penilaian prestasi tahun 2016, pelaksanaan telah berada dalam hujung Fasa Intervensi dan akan beralih ke Fasa Pemantauan. Tiga staf sedang menjalani intervensi kaunseling berdasarkan keperluan dalam membina positivity dari aspek pemikiran, tingkah aku dan keperibadian.


## Cuti Belajar

### Penghantaran Staf Cuti Belajar Dan Staf Yang Berjaya Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah

Bagi tahun 2017, seramai 31 orang staf telah melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah ke universiti dalam negara dan seorang staf melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah ke luar negara.

Rajah di bawah adalah pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti bagi tahun 2017.


**Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Di Dalam dan Luar Negara**



**Rajah 13: Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Di Dalam Dan Luar Negara**

Manakala pada tahun 2017 staf yang berjaya memperoleh ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 38 orang staf. Rajah di bawah menunjukkan staf yang berjaya ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti.

**Bilangan Staf Yang Berjaya PhD Mengikut Fakulti**




**Rajah 14: Bilangan Staf Yang Berjaya PhD Mengikut Fakulti.**


## Fast Track To Chartered Engineer (C.Eng.) Program

Dalam membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional di kalangan staf akademik selain dapat meningkatkan bilangan staf akademik dengan gelaran Jurutera Profesional / setara dengannya selaras dengan kehendak EAC dan juga MyRA, Fast Track To Chartered Engineer (C.Eng.) Program telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2017. Program ini juga dapat membantu meningkatkan bilangan Jurutera Profesional (Ir.).

Seramai 100 orang staf akademik dari FKEKK, FKE, FKM, FKP dan FTK telah mengikuti Program ini bagi memperoleh pengiktirafan sebagai C.Eng. 43% orang staf telah berjaya memperoleh pengiktirafan C.Eng. dan 57 % lagi sedang dalam memperoleh C.Eng. pada tahun 2018.



Rajah 15: Staf Yang Memperoleh Pengiktirafan Jurutera Profesional (Ir.)



Rajah 16: Staf Yang Mengikuti Fast Track to Chartered Engineer (c.Eng.) Program

## Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCUBBA)

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) ialah satu skim yang merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada staf pentadbiran yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan universiti dan dapat mencungkil bakat dalam kalangan mereka.

Pada tahun 2017, lima orang staf telah berjaya mengikuti skim ini terdiri daripada dua orang staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) Pentadbir dan tiga orang staf Kumpulan Pelaksana.

## Skim Sangkutan Pentadbiran (SSP)

Penubuhan Skim Sangkutan Pentadbiran (SSP) untuk staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana UTeM telah diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 4 Tahun 2017 yang bersidang pada 7 September 2017. Skim adalah memberi pendedahan berfokuskan ilmu pengetahuan, pengalaman profesional dan perkongsian amalan terbaik agar staf dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan efektif, proaktif dan inovatif yang menepati keperluan semasa.







UTeM

اوتيمورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# 14.0 Prestasi dan Laporan Tahunan Kewangan


## LAPORAN KEWANGAN

### KESELURUHAN

Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM368.92 juta, meningkat sebanyak RM50.71 juta (15.9%) berbanding RM318.21 juta bagi tahun 2016. Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM376.03 juta berbanding RM334.17 juta bagi tahun 2016, iaitu meningkat sebanyak RM41.85 juta (12.5%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM adalah seperti jadual di bawah.

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 2016 - 2017**




## KUMPULAN WANG MENGURUS


Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM239.98 juta, meningkat sebanyak 6.6% berbanding RM225.20 juta bagi tahun 2016. Daripada jumlah ini, RM214.94 juta atau 89.6% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM25.04 juta (10.4%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2017 berjumlah RM236.98 juta iaitu menurun sebanyak 1.8% berbanding RM241.44 juta bagi tahun 2016.

### PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2016 DAN 2017



**PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENURUS TAHUN 2016 DAN 2017**




**KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**

Peruntukan pembangunan tahun 2017 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM44.16 juta berbanding RM27.00 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak 63.6%.


Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2017 pula berjumlah RM51.73 juta berbanding RM40.59 juta bagi tahun 2016.



**PERBANDINGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2016 DAN 2017**



**PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2016 DAN 2017**




## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN


Kumpulan Wang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Peruntukan penyelidikan daripada Kerajaan bagi tahun 2017 berjumlah RM2.64 juta, menurun sebanyak 49.9% berbanding RM5.28 juta bagi tahun 2016.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2017 berjumlah RM9.75 juta iaitu menurun sebanyak 6.1% berbanding RM10.38 juta bagi tahun 2016.

### PERBANDINGAN PERUNTUKAN PENYELIDIKAN TAHUN 2016 DAN 2017



### PERBANDINGAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAN TAHUN 2016 DAN 2017



**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2017  
(TELAH DIAUDIT)**

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING		2017 (RM)	2016 (RM)	PERBEZAAN (%)
i.	Pendapatan Mengurus			
	- Pemberian Kerajaan	207,223,000	188,431,228	10.0
	- Sumber Dalaman	25,039,578	25,574,739	(2.1)
	- Tambahan Geran	7,718,500	11,196,026	(31.1)
		239,981,078	225,201,993	6.6
	Pendapatan Pembangunan			
	- Pemberian Kerajaan	44,161,790	27,000,000	63.6
ii.	Perbelanjaan			
	a) Mengurus	(236,978,712)	(241,439,318)	(1.8)
	b) Pembangunan	(51,732,778)	(40,587,438)	27.5
		(288,711,490)	(282,026,756)	2.4
iii.	Lebihan/(Kurangan)			
	a) Mengurus	3,002,366	(16,237,325)	(118.5)
	b) Pembangunan	-	-	-
		3,002,366	(16,237,325)	(118.5)
iv.	Lebihan Berkumpul			
	a) Mengurus	36,781,460	35,779,094	2.8
	b) Pembangunan	-	-	-
		36,781,460	35,779,094	2.8
v.	Aset Tetap	605,050,672	490,770,953	23.3
vi.	Aset Semasa	268,230,970	284,194,508	(5.6)
vii.	Tanggungjawab Semasa	15,581,691	9,093,479	71.4
viii.	Tanggungjawab Jangka Panjang	789,553,349	684,050,194	15.4
ix.	Aset Bersih	857,699,951	765,871,982	12.0
x.	Modal Digunakan	124,624,318	131,732,430	(5.4)
xi.	Penglibatan Modal	77,642,263	113,635,747	(31.7)
xii.	Rizab Tunai			
	- Simpanan Tetap	242,266,000	258,110,000	(6.1)
	- Wang di Tangan dan di Bank	11,237,004	10,933,031	2.8
		253,503,004	269,043,031	(5.8)
xiii.	Nisbah Kewangan			
	a) Aset Semasa/Tanggungjawab Semasa	17.21 : 1	31.25 : 1	
	b) Aset Mudah Cair/Tanggungjawab Semasa	16.27 : 1	29.59 : 1	
	c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.92 : 1	0.89 : 1	
	d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan	0.15 : 1	0.19 : 1	
	e) Modal Digunakan/Aset Tetap	0.21 : 1	0.27 : 1	



**UTeM**

اونيورسيٲي ٲيكنيكل مليسيا ملاك

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(LIM SOK KIANG)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
17 OGOS 2018







**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah**


Kami, ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc. dan PROFESOR DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc., yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



اونيورسيٲى ٲيڪنيڪل مالايٲيا

ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc.  
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc.  
Naib Canselor

Tarikh : 16 JUL 2018  
Melaka

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG**  
**BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenamya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka  
pada

**16 JUL 2018.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
